

2014



# LAPORAN TAHUN 2014

## PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA

# **PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA**

## **VISI**

Menggembelingkan Francais, Francaisi dan Institusi Sokongan dalam satu semangat kekeluargaan, bagi memupuk imej yang cemerlang untuk perniagaan Francais.

## **MISI**

Menjadi pendokong dan penggerak utama mewakili masyarakat Francais ke arah merealisasikan hasrat Malaysia untuk menjadi Pusat Serantau Pembangunan Francais.

## **OBJEKTIF**

- Menyatukan tenaga ahli-ahli untuk menjaga kepentingan mereka.
- Memupuk dan mempertahankan imej perniagaan francais dengan menggalakkan amalan perniagaan secara beretika.
- Mendokong usaha kerajaan untuk menggalakkan penyertaan Bumiputra secara langsung dan aktif dalam perniagaan francais.
- untuk menyelaras kemudahan dan infrastruktur yang tersedia bagi pembangunan Francais di perngkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa.

## **PERANAN MFA**

- a. Menetap dan menguatkuaskan satu etika amalan perniagaan secara profesional di kalangan ahli-ahli.
- b. Bertindak selaku penyimpan maklumat induk mengenai semua aktiviti francais yang sedang beroperasi dan juga akan beroperasi di Malaysia serta mengumpul dan menyimpan data dan statistik yang berkaitan dengan perniagaan francais di Malaysia dan juga di seluruh dunia.
- c. Menjalankan kegiatan menggalakkan pertumbuhan perniagaan francais, termasuk kerja-kerja penyelidikan dan pembangunan ke arah memantapkan lagi perniagaan francais di Malaysia.
- d. Menyelaras dan melaksanakan program-program latihan dan seminar bertujuan bagi meningkatkan daya kefahaman mengenai sistem francais, pengukuhan sikap dan amalan perniagaan beretika.
- e. Menjalankan aktiviti-aktiviti operasi bertujuan memperkenalkan sistem francais sebagai satu bentuk perniagaan berdaya maju serta menjamin kepuasan pelanggan dengan produk (termasuk perkhidmatan) yang berkualiti.
- f. Memberi cadangan, maklumbalas dan bekerjasama dengan-pihak berkuasa mengenai isu-isu berkenaan dengan francais dan berkaitan dengannya.
- g. Menjadi platform untuk bertukar-tukar pengalaman dan kepakaran di antara ahli-ahli persatuan.
- h. Menghubungi dan memelihara hubungan yang erat dengan persatuan-persatuan francais di peringkat antarabangsa dan menjadi ahli gabungan kepada persatuan-persatuan berkenaan sekiranya bersesuaian.
- i. Menghubungi dan memelihara hubungan yang erat dengan lain-lain pertubuhan perdagangan dalam negeri.
- j. Menganjurkan misi pelaburan mengenai francais ke luar negara untuk mengetahui perkembangan sistem ini dan juga menggalakkan usaha mengeksport produk-produk francais tempatan yang berdaya maju.
- k. Menjadi tuan rumah bagi misi perdagangan dan pelaburan dari luar negara dan membantu mereka memahami tentang potensi perniagaan francais di Malaysia.
- l. Menjalankan kegiatan-kegiatan lain yang selaras dengan tujuan Persatuan.

## SEJARAH PENUBUHAN

Francais adalah satu sistem perniagaan yang semakin popular pada masa kini. Sejak diperkenalkan di Malaysia pada tahun 1940-an, perniagaan francais telah berkembang dengan pesat. Faktor utama yang merangsang pertumbuhan pesat ini adalah disebabkan ciri-cirinya yang inovatif dan pragmatik. Risiko menyertai perniagaan francais ini pula secara relatifnya lebih rendah berbanding percubaan memulakan satu perniagaan secara bersendirian yang belum terbukti kemampuannya untuk berjaya. Sebaliknya melalui sistem francais, usahawan pada dasarnya berpeluang memperdagangkan sesuatu produk atau perkhidmatan secara lebih sistematik, menggunakan jenama popular dan kaedah pengurusan yang terbukti kejayaannya.

Oleh kerana potensinya yang cukup baik, kerajaan telah membuat keputusan menggunakan sistem francais sebagai salah satu strategi ke arah membangunkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) yang merupakan agenda penting dalam Misi Nasional (2006-2020) untuk menjadikan bumiputera kaum yang berdaya saing di pasaran global.

Semasa membentangkan Pelan Tindakan Program Pembangunan Francais pada 4 Ogos 1992, Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) telah memutuskan satu strategi jangka panjang untuk merealisasikan program tersebut termasuk usaha menubuhkan Persatuan Francais Malaysia bagi tujuan menggalakkan pihak-pihak yang terlibat dengan sistem perniagaan francais bagi mengawalselia industri ini secara dalaman (self regulatory).

Kemudian pada 13 Oktober 1993, seramai 44 orang yang mewakili francisor, francaisi induk, francaisi dan institusi sokongan telah berkumpul di Seri Bayu Beach Resort, Pulau Pangkor. Hasil pertemuan ini, satu keputusan sebulat suara telah dicapai untuk menubuhkan Persatuan Francais Malaysia. Lantaran itu, satu Jawatankuasa Penaja telah dibentuk dan diberi mandat untuk menyediakan draf Undang-Undang Tubuh Persatuan dan menguruskan pendaftaran persatuan.

Draf ini kemudiannya dibentangkan dan diterima dalam satu Mesyuarat Khas Jawatankuasa Penaja yang diadakan di Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur pada 13 Januari 1994. Pihak Pendaftaran Pertubuhan Malaysia telah memberikan kelulusan dan kebenaran untuk operasi sementara kepada Persatuan Francais Malaysia atau dalam bahasa Inggeris dikenali *Malaysian Franchise Association* (MFA) mulai 18 Januari 1994.

Pelancaran rasmi penubuhan MFA telah disempurnakan oleh Y.A.Bhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu, pada 27 Januari 1994, serentak dengan pelancaran Program Pembangunan Francais (PPF) dan Persidangan dan Pameran Francais Antarabangsa Malaysia yang pertama anjuran bersama Unit Penyelaras dan Perlaksanaan (Jabatan Perdana Menteri), MFA dan International Franchise Association (IFA). Sementara kelulusan rasmi MFA di bawah Akta Pertubuhan 1966 telah diperoleh pada 30 Ogos 1994.

# MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-19

**Tarikh** : 29 Mei 2014 (Khamis)

**Masa** : 11.31 pagi – 12.38 tengah hari

**Tempat** : Bilik Johor & Kedah, Pusat Dagangan Putra (PWTC)

<b>Kehadiran</b>	: YBhg. Datuk Mohd Latip Sarrugi	<i>Pengerusi</i>
	YBhg. Dato' Sri Dr. Richard Ong Thiam Boon	<i>Naib Pengerusi</i>
	En. Izham Hakimi Hamdi	<i>Naib Pengerusi</i>
	En. Mohamad Shukri Salleh	<i>Setiausaha Agung</i>
	En. Rozaiman Che Kar	<i>Bendahari Agung</i>
	En. Shamsul Zariman Saifuzzaman	<i>Penolong Bendahari</i>
	YBhg. Datuk Radzali Hassan	<i>Ahli Jawatankuasa Utama</i>
	YBhg. Dato' Abdullah A.Rasol	<i>Ahli Jawatankuasa Utama</i>
	YBrs. Dr. Azman Adnan	<i>Ahli Jawatankuasa Utama</i>
	En. Sam Siew Pak Kheong	<i>Ahli Jawatankuasa Utama</i>

61 perwakilan Ahli Biasa, 9 perwakilan Ahli Bersekutu, 11 pemerhati. (Sila rujuk lampiran)

<b>Tidak Hadir dengan notis</b>	: YBhg. Dato' Zahriah Abd Kadir	<i>Penolong Setiausaha</i>
	En. Fauzi Awang	<i>Penolong Setiausaha</i>
	YBhg. Dato' Dr. Manjit Singh Sachdev	<i>Ahli Jawatankuasa Utama</i>
	YBrs. Prof. Madya. Dr. Mohd Hizam Hanafiah	<i>Ahli Jawatankuasa Utama</i>
	En. Abdul Rahman Mohamed	<i>Ahli Jawatankuasa Utama</i>
	En. Jameel Jamaluddin	<i>Ahli Jawatankuasa Utama</i>
	En. Khairuddin Yahya	<i>Ahli Jawatankuasa Utama</i>
	En. Wan Arjunawan Wan Halim	<i>Ahli Jawatankuasa Utama</i>

**Pengerusi** : YBhg. Datuk Mohd Latip Sarrugi

## 1. UCAPAN ALU-ALUAN PENGERUSI

- 1.1 YBhg Datuk Pengerusi mengalu-alukan kehadiran semua ahli ke Mesyuarat Agung Tahunan MFA kali ke – 19.
- 1.2 En. Mohamad Shukri Salleh selaku Setiausaha Agung memaklumkan bahawa korum mesyuarat adalah mencukupi berdasarkan Fasal 8 (1) Undang-undang Tubuh Persatuan bagi melaksanakan Mesyuarat Agung.

## 2. MENGESEHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE – 18

YBhg. Datuk Mohd Latip Sarrugi selaku Pengerusi mesyuarat telah meminta Ahli yang hadir untuk mencadang dan mengesahkan minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-18.

En. Andri Nasrun daripada Little Cash (M) Sdn Bhd mencadangkan agar Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-18 diterima dan disokong oleh YBhg. Dato' Syed Jamarulkhan M.S dari Syed Bistro Sdn Bhd.

# MINIT MESUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-19

## 3. MEMBENTANG DAN MENERIMA LAPORAN KEMAJUAN TAHUNAN 2013

En Mohamad Shukri Salleh selaku Setiausaha Agung Persatuan telah membentangkan Laporan Kemajuan MFA bagi tahun 2013 dan antara perkara yang dinyatakan adalah seperti berikut:

- 3.1 Mesyuarat dimaklumkan pemilihan bagi Jawatankuasa Utama Sesi 2013/2015 telah diadakan pada Mesyuarat Agung tahun 2013 bertarikh 13 Jun 2013 di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur.
- 3.2 Mesyuarat dimaklumkan bahawa laman sesawang MFA telah dinaiktaraf dengan format yang menggunakan aplikasi terkini sejajar dengan hasrat MFA untuk menjadikan laman sesawang MFA sebagai pusat maklumat francais.
- 3.3 Mesyuarat dimaklumkan JKK Pendaftaran & Etika melaksanakan program pemutihan keahlian untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada ahli aktif. Terdapat 285 ahli aktif sehingga 31 Disember 2013 dan telah meningkat kepada 305 ahli sehingga Mei 2014. Selain itu, MFA juga turut melaksanakan aktiviti-aktiviti seperti kunjungan kepada Ahli dan Potensi Ahli, program Teh Tarik, Promosi ahli di Media, Buletin, Laman Sesawang dan Jerayawara (Roadshow).
- 3.4 Mesyuarat dimaklumkan bahawa MFA telah dipilih untuk menjadi tuan rumah bagi kali ke-3 untuk Mesyuarat Asia Pacific Franchise Confederation (APFC) dan Mesyuarat World Franchise Council (WFC) pada 15 – 18 September 2013 yang lalu. Juga dimaklumkan bahawa MFA adalah sekretariat APFC sejak tahun 2008 sehingga kini serta Sekretariat Legal Affair WFC bagi sesi 2013/2015.
- 3.5 Mesyuarat dimaklumkan bahawa terdapat 11 misi perdagangan telah dilaksanakan secara kerjasama dengan pihak KPDNKK dan MATRADE iaitu Misi Perdagangan ke Bangkok, Cambodia, Chennai, Guangzhou, Jakarta, Kazakhtan, Medan, Paris, Singapura, Sharjah dan Taiwan. Untuk makluman, sehingga Jun 2014, sebanyak 58 jenama francais telah berada di 53 buah negara seperti yang dimaklumkan oleh pihak KPDNKK.
- 3.6 Mesyuarat dimaklumkan bahawa 5 program Komuniti atau *Corporate Social Responsibility* telah dilaksanakan sepanjang tahun 2013 dengan kerjasama para Ahli seperti Marrybrown Sdn Bhd, Ria-Two Sdn Bhd dan Global Top Technologies (M) Sdn Bhd.
- 3.7 Mesyuarat dimaklumkan terdapat 5 program Kursus Asas Perniagaan Francais, 2 Program "Business Networking Platform" dan 2 Program Seminar Pengurusan Kewangan telah dilaksanakan sepanjang tahun 2013.
- 3.8 Mesyuarat dimaklumkan bahawa MFA telah menganggotai Jawatankuasa Induk Program Pembangunan Produk Francais Tempatan yang telah ditubuhkan oleh KPDNKK. Selain itu, MFA juga terlibat dalam Program Pemutihan Pendaftaran Francais, Program Kerjasama dengan KPDNKK dan Agensi Pembiaya bagi Pembangunan Francais Nasional.
- 3.9 Mesyuarat dimaklumkan hanya 1 aduan di terima pada tahun 2013 dan 6 syarikat telah menerima surat sokongan daripada MFA bagi memantapkan perniagaan atau jenama francais Ahli.
- 3.10 Mesyuarat dimaklumkan bahawa program FIM2013 telah mencatatkan penyertaan pameran sebanyak 144 ruang pameran daripada 112 syarikat serta telah dikunjungi oleh 10,679 pengunjung dan telah mencatatkan potensi transaksi jualan sebanyak RM 368 juta.

# **MINIT MESUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-19**

- 3.11 Mesyuarat dimaklumkan bahawa YB Menteri, Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan telah mengesahkan kehadiran beliau bagi FIM2014 dan YB Menteri juga sedang berusaha untuk mendapatkan kehadiran YAB Perdana Menteri bagi Majlis Perasmian FIM2014.
- 3.12 Mesyuarat dimaklumkan Malam Anugerah Francais 2013 (MAF2013) telah diadakan pada 13 Disember 2013 dan dihadiri oleh tetamu kehormat YB Senator Dato' Seri Ahmad Bashah Md. Hanipah, Timbalan Menteri PDNNK dengan penyertaan 800 tetamu. Sebanyak 16 anugerah telah dimenangi pada malam tersebut.

Sehubungan itu, Mesyuarat sebulat suara bersetuju untuk menerima Laporan Kemajuan Tahunan 2013 tersebut.

## **4. MEMBENTANG DAN MENERIMA LAPORAN KEWANGAN TERAUDIT BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013**

En Rozaiman Che Kar selaku Bendahari Agung telah membentangkan Laporan Kewangan Teraudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 dan antara perkara yang dinyatakan adalah seperti berikut:

- 4.1 Mesyuarat dimaklumkan secara keseluruhannya, keadaan kewangan MFA dipengaruhi oleh perlaksanaan aktivitinya sama ada dilaksanakan dengan pembiayaan sepenuhnya oleh MFA atau terdapat perolehan yang diterima daripada pihak Kementerian iaitu program yang dianjurkan secara kerjasama. Pendapatan dan perbelanjaan yang diperolehi daripada program yang dianjurkan secara kerjasama ini tidak dapat dijangkakan kerana tertakluk kepada keputusan pihak Kementerian. Oleh itu, jumlah pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan mempunyai perbezaan ketara. Langkah-langkah penjimatan dan kos efektif telah dilaksanakan pada 2013 namun terdapat peningkatan perbelanjaan yang tidak dapat dielakkan terutamanya kos sumber manusia dan kos untuk peningkatan kualiti penjenamaan dan perkhidmatan MFA.
- 4.2 Mesyuarat juga dimaklumkan keadaan kewangan MFA menunjukkan lebihan pendapatan sebanyak RM35 ribu pada tahun 2013 berbanding RM31 ribu pada tahun 2012. Pendapatan yang diterima melalui aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan pada tahun 2013 berkurangan sebanyak 8.9% kepada RM 4.008 juta berbanding RM 4.400 juta yang direkodkan pada tahun 2012. Manakala perbelanjaan juga menunjukkan pengurangan sebanyak 9.1% kepada RM 3.973 juta daripada RM 4.369 juta pada tahun 2012. Selain itu, jumlah liabiliti berkurangan sebanyak 40.8% atau RM247 ribu terutamanya pada hasil terdahulu. Aset juga berkurangan sebanyak 9.9% atau RM212 ribu ekoran pengurangan pada jumlah yuran belum diterima dan pegangan tunai.
- 4.3 Mesyuarat dimaklumkan juga bahawa fokus kewangan pada tahun 2013 adalah menyelesaikan isu tunggakan hutang lapuk keahlian yang berjumlah RM1.54 juta bagi tempoh 2001 sehingga 2013. Sebanyak RM1.18 juta telah diperuntukkan secara khusus dan dikategori sebagai hutang yang sukar untuk dikutip iaitu hutang yang melebihi 3 tahun. Pada tahun 2013, sebanyak RM0.669 juta telah dihapuskira bagi hutang tertunggak melebihi 7 tahun selaras dengan saranan juruaudit dalam MFA iaitu Coach Noorhasril Nordin bagi menambah baik sistem kewangan MFA. Walaupun dari segi kewangan hutang tertunggak ahli tersebut telah diperuntukkan dan dihapuskira tetapi ianya tidak akan melepaskan ahli daripada hutang tersebut. MFA akan meminta ahli tersebut menjelaskan semua hutang tertunggak sekiranya ahli ingin aktif semula dengan MFA. Mengikut sejarah lepas, masih terdapat kes sebegini dan ahli tersebut menjelaskan semua hutang tertunggak tersebut.

YBhg Dato' Syed Jamarul Khan Bin M. S. Kadir dari Syed Bistro Sdn Bhd mencadangkan agar Laporan Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013 diterima dan telah disokong oleh YBhg Dato' Abdullah A.Rasol dari Eden Inc Bhd.

# **MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-19**

## **5. MEMILIH JURUAUDIT DALAMAN**

5.1 Mesyuarat telah dimaklumkan terdapat 2 pencalonan bagi 2 kekosongan jawatan Juruaudit Dalamans iaitu En. Andri Nasrun dari Little Cash (M) Sdn Bhd dan En. Azizan Baharom dari Rishaz Beauty & Healthcare. Kedua – dua calon tersebut telah menang tanpa bertanding.

## **6. MEMBINCANGKAN DAN MEMBENTANGKAN USUL-USUL**

6.1 En Abdul Malik Abdullah daripada D'Tandoor Food Industries Sdn Bhd telah mengemukakan usul agar mengurangkan yuran keahlian bagi Bakal Francaisi sebanyak RM100 berbanding RM300. Untuk makluman, Francaisi membayar yuran keahlian MFA sebanyak RM200 sahaja. Pengurangan yuran ini bertujuan untuk menggalakkan lebih ramai Bakal Francaisi untuk menjadi Ahli MFA.

Namun En Noorhasril Nordin berpendangan bahawa pengurangan jumlah bayaran yuran ini akan memberi implikasi kewangan MFA yang masih belum stabil. Sehubungan itu, beliau menyarankan agar yuran kepada Bakal Francaisi dikekalkan untuk mengekalkan keadaan kewangan MFA.

YBhg Dato' Seri Richard Ong pula berpendapat bahawa jumlah ahli Bakal Francaisi adalah kecil dan tempoh keahlian adalah pendek kerana ahli ini akan bertukar status kepada Francaisi setelah perjanjian francais ditandatangai. Pengekalkan yuran ini juga sebagai salah satu cara untuk menggalakkan lagi ahli Bakal Francaisi bertukar status kepada francais dengan lebih cepat untuk mendapatkan bayaran yuran keahlian yang lebih rendah.

Keputusan usul dilaksanakan secara undian angkat tangan. Seramai 17 ahli berbanding 10 ahli telah bersetuju untuk mengekalkan yuran keahlian Bakal Francaisi sebanyak RM300. Sehubungan itu, Mesyuarat TIDAK BERSETUJU dengan cadangan pengurangan jumlah yuran keahlian Bakal Francaisi tersebut.

6.2 En Abdul Malik Abdullah daripada D'Tandoor Food Industries Sdn Bhd telah mengemukakan usul agar Jawatan Pengurus MFA haruslah disandang dari kategori Ahli Francaisor atau Francaisi sahaja kerana lebih berpengalaman dalam berdepan dan menangani industri francais semasa.

En Noorhasril Nordin menyatakan pendapat bahawa semua kategori ahli berhak untuk menjawat jawatan tersebut kerana semua kategori ahli memainkan peranan penting dalam pembangunan industri francais. Sumbangan francais tidak terhad kepada francaisor dan francaisi sahaja malah institusi sokongan juga memainkan peranan untuk memajukan dan terlibat secara langsung dengan industri francais.

Manakala En Alex Chong daripada Sakura Kristal Sdn Bhd berpendapat bahawa jika Jawatan Pengurus disandang oleh Francaisor atau Francaisi, hal tersebut akan menyebabkan Francaisor atau Francaisi tersebut hilang fokus kepada tujuan asal mereka dalam bidang perniagaan.

Malah En Kit Steven daripada Ta Chi House Sdn Bhd mencadangkan agar Jawatan Pengurus disandang oleh calon yang ikhlas dan telus hendak memajukan MFA serta badan bebas dalam industri Francois bagi mengelakkan terlibat dengan kepentingan peribadi.

Sehubungan itu, Mesyuarat sebulat suara TIDAK BERSETUJU dengan cadangan usul tersebut.

# **MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-19**

6.3 Jawatankuasa Utama MFA telah mengusulkan untuk melantik Menteri KPDKKK, YB Dato' Hassan Bin Malek sebagai penasihat MFA.

Sehubungan itu, Mesyuarat sebulat suara bersetuju untuk MENERIMA cadangan tersebut.

## **7. HAL-HAL LAIN**

7.1 En Abdul Malik Abdullah daripada D'Tandoor Food Industries Sdn Bhd telah meminta agar pihak MFA memohon kepada KPDKKK untuk mewujudkan Lembaga Penasihat Francais yang bertujuan membantu perkembangan dan memantau Industri Francais.

YBhg Datuk Mohd Latip Sarrugi telah memaklumkan bahawa Lembaga Penasihat Francais telah diwujudkan dan di Pengerusikan oleh YB Menteri PDNKK. Namun badan tersebut telah tidak aktif pada masa kini.

Sehubungan itu, MFA akan mengambil maklum dan akan memanjangkan perkara tersebut kepada pihak KPDKKK.

7.2 Pn Evonne Teh daripada Coffee Scene Sdn Bhd telah memohon MFA untuk mengambil tindakan bagi perkara beikut:-

7.2.1 Tempoh lawatan yang dibenarkan oleh pihak Imegresen bagi membenarkan Francaisi Induk masuk ke Malaysia adalah singkat dan ini menyebabkan pihak Francaisi Induk terpaksa menggunakan pas lawatan sosial untuk masuk ke Malaysia dan kaedah tersebut adalah tidak professional. Sehubungan itu, beliau meminta agar MFA dapat mengetengahkan isu ini kepada pihak berwajib.

Sehubungan itu, mesyuarat mengambil maklum dan akan memanjangkan perkara tersebut kepada pihak yang berkenaan untuk tindakan selanjutnya.

7.2.2 Cadangan pelantikkan Pegawai Khas Perhubungan Antarabangsa dan Imegresen di KPDKKK bertujuan untuk memudahkan prosedur pengambilan pekerja asing dan memendekkan tempoh masa proses pengambilan pekerja asing terbabit. Ini berikutan pekerja asing adalah perlu bagi Francisor kerana sukar untuk mendapatkan pekerja tempatan yang ingin bekerja di restoran.

Sehubungan itu, mesyuarat mengambil maklum dan akan memanjangkan perkara tersebut kepada pihak yang berkenaan untuk tindakan selanjutnya.

7.2.3 Geran Pembangunan Pasaran yang diperuntukkan oleh MATRADE tidak mencukupi untuk mengembangkan perniagaan ke luar Negara.

En Mohamad Shukri Salleh menjelaskan bahawa peruntukan tersebut adalah tertakluk kepada polisi MATRADE dan setiap syarikat mempunyai had peruntukan yang dibenarkan. Namun demikian, MFA akan memanjangkan isu tersebut kepada pihak MATRADE.

7.3 En Noorhasril Noordin memohon agar MFA dapat memberi maklumbalas mengenai cadangan yang dikemukakan kepada semua ahli dalam tempoh 3 bulan dari tarikh mesyuarat agung ini.

# **MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-19**

## **8. UCAPAN PENANGGUHAN**

- 8.1 YBhg Datuk Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kehadiran dan komitmen yang diberikan oleh para ahli yang hadir. Terima kasih juga di atas pandangan dan cadangan yang diberikan untuk menambahbaik MFA pada masa hadapan. YBhg Datuk Pengerusi berharap agar semua ahli MFA dapat memberikan sokongan kepada MFA.
- 8.2 YBhg Dato' Sri Richard Ong berterima kasih kepada semua para ahli dan menyatakan bahawa Ahli Jawatankuasa Utama akan sentiasa memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada para ahli. MFA memerlukan sokongan padu daripada para ahli untuk menggerakkan aktiviti dan memajukan MFA. Selain itu, beliau juga menyatakan bahawa Ahli JKU akan sedaya upaya mencapai hasrat pembelian wisma MFA berdasarkan kepada alternatif terbaik pada masa hadapan.
- 8.3 YBrs. En Izham Hakimi Hamdi pula mengalu-alukan penglibatan ahli untuk memeriahkan dan menjayakan program FIM2014 yang akan diadakan pada 13-15 Jun 2014. Beliau juga mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada semua ahli yang hadir.

YBhg Datuk Pengerusi telah ditangguhkan Mesyuarat Agung Tahunan Kali ke-19 pada jam 12.40 tengah hari dan sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih di atas sokongan yang diberikan oleh semua yang hadir.

Minit disediakan oleh:

.....  
(NOOR SURAYA ZAMREE)

.....  
(NURUL ASYIHA HUSIN)

Tarikh: 16 Julai 2013

Disahkan benar oleh:

.....  
(DATUK MOHD LATIP SARRUGI)  
Pengerusi

.....  
(MOHAMAD SHUKRI SALLEH)  
Setiausaha Agung

Tarikh:

# MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-19

## LAMPIRAN 1

### SENARAI KEHADIRAN

#### AHLI BIASA - FRANCAISOR

BIL	NAMA SYARIKAT	WAKIL	NO AHLI
1	Borneo Oil Berhad	En. Sri Ganesh	OFO-0795-05-F&B
2	C.S Alloy Design (M) Sdn Bhd	En. Kent Lee Kian Yan	OFO-0112-05-HFA
3	Cleanpro Express Sdn Bhd	En. Lau Chung Fatt	OFO-0414-02-SVC
4	Coffee Scene Sdn Bhd	Pn. Evonne The	OFO-0510-29-F&B
5	Coffee-O Corner Sdn Bhd	YBhg. Dato' Mohamad Kepli Ahmad	OFO-0612-04-F&B
6	D' Tandoor Food Industries Sdn Bhd	YBhg. Datuk Abdul Malik Abdullah	OFO-0702-02-F&B
7	Daily Fresh Foods Sdn Bhd	En. Low Chee Foo	OFO-0605-08-F&B
8	Eduwis Sdn Bhd	En. Simon Tee Wee Siong	OFO-0414-01-EDU
9	Eg Gadget Holdings Sdn Bhd	En. Eri Al-Zikri Ab Wahab	OFO-1113-01-ICT
10	Focus Point Management Sdn Bhd	Cik Amberlyn Liew	OFO-0702-03-RET
11	GK Sport & Recreation Sdn Bhd	En. Mohd Azlanshah Ismail	OFO-0911-05-EDU
12	Global Top Technologies (M) Sdn Bhd	En. T.A Teoh	OFO-0511-01-SVC
13	Harta Maintenance Sdn Bhd	YBhg Datuk Radzali Hassan	OFO-0313-01-SVC
14	Ideal Malaysian Support Sdn Bhd	En. Sean Lum	OFO-0400-01-TRV
15	King's Confectionery Sdn Bhd	En. Low Kok Leong	OFO-0312-08-F&B
16	Krista Education Sdn Bhd	En. Tee Shuey Lian	OFO-1204-01-EDU
17	Leno (M) Sdn Bhd	En. Stanley Neng	OFO-0506-01-BH
18	Little Cash (M) Sdn Bhd	En. Andri Nasrun	OFO-0908-01-F&B
19	Marrybrown Sdn Bhd	En. Joshua Liew	OFO-0795-04-F&B
20	Mayflower Acme Tours Sdn Bhd	En. Abdul Rahman Mohamed	OFO-0609-04-TRV
21	Metrobus Nationwide Sdn Bhd	En. Iwan Fazlee Ahmad Fadzil	OFO-0711-03-OTH
22	Myhomme Group Resources (M) Sdn Bhd	En. Haizam Idris	OFO-0513-05-SVC
23	Pandan Utama Sdn Bhd	En. Nasarudin Abu Hassan	OFO-1112-08-SVC
24	Poney Garments Sdn Bhd	Cik. Wong Sook Mei	OFO-0414-04-RET
25	Qubah Emas Resources Sdn Bhd	En. Zamani Zakaria	OFO-0414-03-SVC
26	Rakyat Management Services Sdn Bhd	YBrs Dr. Azman Adnan	OFO-1007-02-SVC
27	Ria-Two Sdn Bhd	En Rozaiman Che Kar	OFO-0607-05-OTH

# MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-19

## LAMPIRAN 1

### SENARAI KEHADIRAN

#### AHLI BIASA - FRANCAISOR

BIL	NAMA SYARIKAT	WAKIL	NO AHLI
28	Sakura Kristal Sdn Bhd	En. Alex Chong	OFO-0111-04-F&B
29	Signature Cabinet Sdn Bhd	Cik. Jacqueline Chin	OFO-0514-01-RET
30	Smart Reader Worldwide Sdn Bhd	YBhg Dato' Sri Dr. Richard Ong Thiam Boon	OFO-1000-04-EDU
31	Sunrider International (Malaysia) Sdn Bhd	En. Lincoln Goh Lin Kin	OFO-0910-02-BH
32	Syed Bistro Sdn Bhd	YBhg. Dato' Syed Jamarulkhan M. S. Kadir	OFO-1208-02-F&B
33	Ta Chi House Sdn Bhd	En. Tong Kok Ann (Stephen)	OFO-0912-01-F&B
34	Teh Tarik Place Sdn Bhd	En. Mazril Zaini	OFO-0514-02-F&B
35	The Legend's Family Curry House Sdn Bhd	YBhg. Dato' Dr. S. Velaitham	OFO-0510-17-F&B

#### AHLI BIASA - FRANCAIS INDUK

BIL	NAMA SYARIKAT	WAKIL	NO AHLI
1	Naza Tutti Frutti (M) Sdn Bhd	En Izham Hakimi Hamdi	OMF-0911-01-F&B
2	Roasters Asia Pacific (M) Sdn Bhd	Cik. Idhura Hamid	OMF-1195-01-F&B

#### AHLI BIASA – FRANCAISI

BIL	NAMA SYARIKAT	WAKIL	NO AHLI
1	Berjaya Roasters (M) Sdn Bhd	En. Zulkifli	OFE-0510-09-F&B
2	Cahaya Alam Bersih Enterprise	En. Mohd Fariz	OFE-0514-02-SVC
3	Diiz Universe Sdn Bhd	Pn. Diana Nasimuddin	OFE-1113-05-F&B
4	Hidayah Emas Harta Urus Sdn Bhd	En. Abdul Sukor Harun	OFE-0414-01-SVC
5	Koperasi New Straits Times Press (M) Berhad	En. M. Nasir Ramli	OFE-0112-09-SVC
6	Koperasi Staf CIDB Malaysia Berhad	En. Hj. Razuki Ibrahim	OFE-0114-02-SVC
7	Rishaz Beauty & Healthcare	En. Azizan Baharom	OFE-0413-03-B&H

# MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-19

## LAMPIRAN 1

### SENARAI KEHADIRAN

#### AHLI BIASA - INSTITUSI SOKONGAN

BIL	NAMA SYARIKAT	WAKIL	NO AHLI
1	Franchise Channel (M) Sdn Bhd	En Mohamad Shukri Salleh	OSI-1204-04-CF
2	Franchise Technology Sdn Bhd	En. Sam Siew Pak Kheong	OSI-0795-06-CON
3	KPDNKK	En. Ismailur Hadi Amat Bakeron	OSI-0706-01-GOV
4	KPDNKK	En. Afkhar Razi Mohamed	OSI-0706-01-GOV
5	KPDNKK	Pn. Johanna Zainal Abidin	OSI-0706-01-GOV
6	Malayan Banking Berhad	En Shamsul Zariman Saifuzzaman	OSI-0899-04-FIN
7	Malaysia International Franchise Sdn Bhd	En. Ahmad Puad	OSI-0608-16-GA
8	Manjit Singh Sachdev, Mohamad Radzi & Partners	En. Neoh Eng Kee	OSI-0498-08-LEG
9	Messrs Wong Jin Nee & Teo	Cik. Wong Jin Nee	OSI-0305-05-LEG
10	Mohd Latip & Associates	YBhg Datuk Mohd Latip Sarrugi	OSI-0795-18-LEG
11	Murni Allianze Consult Sdn Bhd	En. Hasril Nordin	OSI-0605-09-CON
14	Perbadanan Nasional Berhad	YBhg Dato' Syed Kamarulzaman	OSI-0798-02-GOV
15	Raja, Darryl & Loh	En. Chew Phye Keat	OSI-1299-02-LEG
16	SOV Sdn Bhd	En. Denming Ho Koon Guan	OSI-0514-01-CONS

#### AHLI BERSEKUTU - BAKAL FRANCAISOR

BIL	NAMA SYARIKAT	WAKIL	NO AHLI
1	First Asia Gold Holding Sdn Bhd	YBhg. Datuk Sri Dr. S Y Ling	AFO-0114-01-SVC
2	KK Supermart & Superstore Sdn Bhd	En. Hooi Weng	AFO-0908-04-RET
3	Multiple Reward Sdn Bhd	En. Vincent Teng	AFO-0514-01-F&B
4	Snogurt Sdn Bhd	En. Yen Chee Yung	AFO-0512-05-F&B
5	Syarikat Abdul Ghaffar Trading Sdn Bhd	En. Mahadevan	AFO-0414-01-RET
6	The HOM Holdings (M) Sdn Bhd	Cik. Penny	AFO-01314-01-F&B
7	Tzur Technology Sdn Bhd	En. John Kong Chung Chin	AFO-0813-04-ICT

#### AHLI BERSEKUTU - BAKAL FRANCAISI INDUK

BIL	NAMA SYARIKAT	WAKIL	NO AHLI
1	Original Red Mango Sdn Bhd	Cik. Fennie Lai Yann Chin	AMF-0314-01-F&B

# MINIT MESUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-19

## LAMPIRAN 1

### SENARAI KEHADIRAN

#### AHLI BERSEKUTU - ANTARABANGSA

BIL	NAMA SYARIKAT	WAKIL	NO AHLI
1	Eton House International Holdings Pte Ltd	En. Yeoh Ewe Chean	IOM-0314-01-EDU

#### PEMERHATI

BIL	NAMA SYARIKAT	WAKIL	NO AHLI
1	Eden. Inc Berhad	YBhg Dato' Abdullah A. Rasol	Ahli JKU dilantik
2	Daily Fresh Foods Sdn Bhd	Cik. Suria Mansol	OFO-0605-08-F&B
3	Cahaya Alam Bersih	Pn. Nurul Syahadah Ibrahim	OFE-0514-02-SVC
4	Daily Fresh Foods Sdn Bhd	Cik. Norhafizah Abd Rahman	OFO-0605-08-F&B
5	Eduwis Sdn Bhd	Cik. Eva Tee	OFO-0414-01-EDU
6	Eg Gadget Holdings Sdn Bhd	Cik. Hazliina Asna Mohd Hazlan	OFO-1113-01-ICT
7	GK Sport & Recreation Sdn Bhd	Cik. Ng Mei Ling	OFO-0911-05-EDU
8	Harta Maintenance Sdn. Bhd.	Pn. Al - Kamaruzzita Mohd Amin	OFO-0313-01-SVC
9	Krista Education Sdn Bhd	Cik. Marilyn John William	OFO-1204-01-EDU
10	Malaysia International Franchise Sdn Bhd	En. Mohd Shah	OSI-0608-16-GA
11	The HOM Holdings (M) Sdn Bhd	En. S. Shargunan	AFO-0314-01-F&B
12	The Legend's Family Curry House Sdn Bhd	En. Tamil Venthan Nalathamby	OFO-0510-17-F&B

## **LAPORAN KEMAJUAN 2014**

- **Ringkasan Laporan**
- **Laporan Pentadbiran**
- **Laporan Pendaftaran & Etika**
- **Laporan Perhubungan Kebangsaan & Antarabangsa**
- **Laporan Promosi & Perhubungan Awam**
- **Laporan Penyelidikan & Pendidikan**
- **Laporan Pembangunan Perniagaan**
- **Laporan Rundingcara & Kebajikan**
- **Laporan Program Franchise International Malaysia 2014 (FIM2014)**
- **Laporan Program Malam Augerah Francais 2014 (MAF2014)**
- **Laporan Program Franchise Golf Challenge 2014 (FGC2014)**

# RINGKASAN LAPORAN KEMAJUAN TAHUN 2014

Sepanjang tahun 2014, MFA telah terlibat dengan pelbagai aktiviti yang telah dipantau dan dikawal selia oleh setiap JKK yang terlibat. Aktiviti yang dilaksanakan akan memberikan nilai tambah dan manfaat kepada para ahli selain menjana pendapatan untuk membiayai perbelanjaan pentadbiran MFA. Bagi mencapai matlamat ini, setiap JKK berperanan untuk menambahbaik dan mengukuhkan aktiviti sedia ada dan memperkenalkan aktiviti baru yang memenuhi kehendak golongan sasaran.

Disamping melaksanakan aktiviti yang telah dirancang, MFA juga terlibat secara langsung dalam aktiviti pembangunan industri francais kelolaan Kementerian dan agensi. Selain itu, MFA juga menghadiri jemputan aktiviti yang dianjurkan oleh para ahli serta jemputan oleh pihak swasta untuk mempromosikan francais kepada umum. Aktiviti MFA tidak terhad di peringkat kebangsaan, malah mendapat reputasi yang baik diperingkat antarabangsa melalui penglibatan MFA di persatuan francais antarabangsa - *World Franchise Council (WFC)* dan *Asia Pacific Franchise Confederation (APFC)*.

## Jawatankuasa Pentadbiran

JK Pentadbiran berperanan untuk memastikan penggunaan sumber-sumber dapat dioptimumkan bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pentadbiran agar penyampaian maklumat dan manfaat kepada para ahli dan organisasi yang terlibat dapat diterima dengan baik. Komunikasi merupakan elemen yang penting untuk memastikan maklumat adalah tepat dan jelas diterima oleh semua warga kerja MFA menerusi perlaksanaan Mesyuarat koordinasi di peringkat sekretariat mahupun ahli Jawatankuasa Utama, penggunaan emel dan aplikasi terkini seperti *whatapps* dan *facebook*, serta komunikasi melalui telefon. JK juga telah mengambil langkah untuk menaik taraf laman sesawang MFA menggunakan teknologi dan aplikasi terkini yang mana pada masa hadapan akan memberikan lebih banyak kelebihan kepada ahli untuk menggunakan mereka sebagai salah satu saluran promosi mereka serta mendapatkan maklumat francais.

## Jawatankuasa Kecil Pendaftaran & Etika

JKK Pendaftaran & Etika telah mengambil pelbagai langkah proaktif untuk menambahbaik pendekatan keahlian dan konsep aktiviti yang dilaksanakan serta memberi penekanan yang berbeza bagi membentuk tanggapan positif yang berkekalan di kalangan ahli. Pada tahun 2014, jumlah keahlian MFA sehingga 31 Disember 2014 adalah sebanyak 307 ahli dengan 47 keahlian baru dan 9 penamatan keahlian. Fokus keahlian baru adalah di kalangan francaisor/ francais induk baru yang diluluskan oleh Pendaftar Francois. Berdasarkan rekod, MFA berjaya merekrut secara purata sebanyak 44 peratus keahlian baru di kalangan jumlah francaisor/ francais induk yang berdaftar dengan pihak Pendaftar Francois.

Pada tahun 2014, bagi memberikan nilai tambah dan penghargaan kepada ahli yang setia kepada MFA, JKK telah memanjangkan jemputan khas kepada 69 ahli yang mempunyai tahun keahlian MFA lebih daripada 10 tahun untuk bersama-sama memeriahkan dan merasai pengalaman menyertai Program Malam Anugerah Francois Malaysia 2014. Selain itu, ahli-ahli ini juga dijemput untuk menyertai Seminar Akta Francois 1998 (Pindaan 2012) bagi mengetahui maklumat dan isu terkini mengenai akta Francois. Antara aktiviti yang dilaksanakan sepanjang tahun 2014 merangkumi aktiviti kunjungan kepada 41 ahli dan 12 potensi ahli, 2 program *Teh Tarik Session*, memastikan keutamaan penyertaan di kalangan ahli ke 8 program Misi Perdagangan luar negara, mempromosikan ahli ke 6 buah negeri di Malaysia melalui program Jerayawara yang disertai, 65 berita ahli telah dihebahkan melalui media, menghebahkan aktiviti ahli melalui laman sesawang MFA dan media sosial MFA memaparkan logo dan profil 256 ahli di laman sesawang MFA serta memberikan nilai diskaun ke atas semua program anjuran MFA.

# RINGKASAN LAPORAN KEMAJUAN TAHUN 2014

## Jawatankuasa Kecil Perhubungan Kebangsaan & Antarabangsa

JKK Perhubungan Kebangsaan & Antarabangsa bertanggungjawab untuk mempromosikan dan melebarkan jenama francais tempatan ke pasaran global. Bagi memenuhi peranan ini, JKK telah melaksanakan pelbagai aktiviti dengan melaksanakan kerjasama bersama KPDNKK dan MATRADE untuk menganjurkan Misi Perdagangan ke 6 lokasi program Francais luar Negara serta mengadakan pertemuan dan kerjasama dengan pelbagai pihak atau organisasi tempatan mahupun antarabangsa yang berkepentingan dalam memajukan industri francais. Selain itu, JKK juga bertindak sebagai sekretariat bagi mengendalikan urusan keahlian dengan *World Franchise Council* (WFC) and *Asia Pacific Franchise Confederation* (APFC). MFA telah bergiat aktif dengan WFC dan APFC sejak tahun 1998 dan telah diberi kepercayaan sebagai sekretariat APFC sejak tahun 2008 hingga kini. Malah MFA juga telah dilantik sebagai Sekretariat – *Legal Affair* WFC untuk sesi 2013 – 2015. Keanggotaan MFA dalam Persatuan ini penting untuk berkongsi pelbagai maklumat dan perkembangan industri francais bagi setiap Negara bagi memantapkan lagi industri francais di peringkat global.

## Jawatankuasa Kecil Promosi & Perhubungan Awam

JKK Promosi & Perhubungan Awam berperanan untuk merangka dan melaksanakan aktiviti promosi berkesan yang akan dapat meningkatkan dan mengukuhkan jenama dan kepercayaan umum kepada MFA dan industri francais. Aktiviti promosi yang dilaksanakan mestilah dapat menyampaikan dan mendidik masyarakat umum berkenaan maklumat francais dan jenama francais melalui pelbagai saluran media. Sepanjang tahun 2014, JKK telah melaksanakan kunjungan media kepada 20 syarikat media untuk membincangkan kerjasama dalam mempromosikan aktiviti francais yang telah dirancang dan membangunkan pakej media mampu beli oleh para ahli. Rentetan daripada kunjungan ini, JKK telah menganjurkan Media Fair kepada ahli MFA dan Syarikat Greenfield telah bersetuju agar MFA menganjurkan Lawatan Media di Ladang ternakan lembu Greenfield di Malang, Indonesia. Selain itu, JKK juga telibat secara langsung dalam menyediakan editorial bagi pengajuran aktiviti MFA yang meliputi kata aluan, ucapan, iklan, kenyataan akhbar dan e-franchise mind. Aktiviti promosi juga dilaksanakan melalui program jerayawara yang disertai, siri jemputan ceramah francais, program Tanggungjawab Sosial Korporat serta penerbitan buku francais. JKK juga melaksanakan aktiviti pemasaran produk MFA melalui konsultansi dan Info Servis dan kunjungan pemasaran untuk menjana sumber kewangan bagi membiayai belanja pentadbiran MFA.

## Jawatankuasa Kecil Penyelidikan & Pendidikan

JKK Penyelidikan & Pendidikan berperanan untuk merancang dan melaksanakan program penyelidikan dan pendidikan bagi memenuhi kehendak masa kini dan golongan sasaran. Sepanjang tahun 2014, JKK telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan penambahbaikan program Anugerah Francois dan Modul Latihan. Selain itu, JKK juga telah menganjurkan Seminar GST bagi Industri Francois dan Kajian Persepsi dan Jangkaan Impak GST ke atas Industri Francois Malaysia untuk mendapatkan maklumbalas daripada pemain industri serta sebagai persediaan untuk menghadapi GST pada tahun 2015. JKK juga telah melaksanakan pelbagai jenis program latihan untuk memenuhi kehendak dan keperluan industri yang amat diperlukan bagi usahawan yang cenderung untuk menyertai industri francais agar dapat memahami dengan jelas maksud perniagaan francais. Sepanjang tahun 2014, 5 jenis program latihan telah berjaya dilaksanakan yang meliputi 5 program Kursus Asas Perniagaan Francois, 1 program Persedian Pendaftaran Francois & latihan MyFEX, 1 program Seminar Akta Francois 1998 dan 3 siri program *Professional Certificate in Training & Development*. Selain itu, pada tahun 2014, Program Francois Siswa yang berdurasi selama 6 bulan telah diperkenalkan dengan penyertaan mahasiswa daripada 8 Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

# RINGKASAN LAPORAN KEMAJUAN TAHUN 2014

## Jawatankuasa Kecil Pembangunan Perniagaan

JKK berperanan untuk memantau isu-isu semasa ahli dan pembangunan produk serta mewujudkan program baru yang menjana sumber pendapatan bagi membiayai belanja pentadbiran MFA. Bagi memantau isu semasa dan pembangunan produk, JKK telah dilantik untuk menganggotai Jawatankuasa Induk Pembangunan Produk (JIPP) dan Jawatankuasa Teknikal Pembangunan Produk (JTPP) di setiap negeri. Pada tahun 2014, JKK telah mengorak langkah dengan mengadakan perbincangan awal dengan CGC untuk menandatangani memorandum persefahaman dalam menyediakan skim pembiayaan francais, kerjasama dengan KPDKKK untuk menerbitkan Buku panduan Francais serta menjalinkan kerjasama dengan KPDKKK dan EPU untuk program Pengukuhan Pembangunan Francais Untuk Meningkatkan Eksport. Program-program ini dirancang bagi meningkatkan manfaat keahlian MFA dan meningkatkan kredibiliti dan jenama MFA di peringkat global dan akan dimuktamatkam pada tahun 2015. Selain itu, bagi mempelbagaikan dan meningkatkan sumber pendapatan MFA, JKK telah mengadakan kerjasama dengan SEED untuk menganjurkan Seminar Francais Memperkasakan Usahawan India serta melaksanakan Program Mobil Francais.

## Jawatankuasa Kecil Rundingcara & Kebajikan

JKK berperanan untuk memberi khidmat nasihat dan menjaga kebajikan ahli dalam isu francais yang dihadapi. Pelbagai isu francais yang melanda industri francais adalah kerana semua pihak yang terbabit tidak memahami dengan jelas konsep perniagaan francais atau terdapat pihak yang ingin memanipulasikan perniagaan francais ini. JKK akan sedaya upaya membantu berdasarkan kepada bidang kuasa dan kepakaran dalam menangani isu terbabit. Tahun 2014 empat aduan diterima berkenaan isu sokongan francaisor kepada francaisi manakala permintaan bagi mendapatkan khidmat sokongan MFA daripada 6 syarikat bagi memantapkan peluang perniagaan atau jenama francais mereka, mendapatkan kad perjalanan serta pengecualian Moratorium.

## Jawatankuasa Induk Franchise International Malaysia 2014 (FIM2014)

Program Pameran & Persidangan FIM2014 telah diadakan dengan jayanya pada 13-15 Jun 2014 dengan dihadiri oleh lebih 10,000 pengunjung tempatan dan asing untuk memahami dan mengintai peluang perniagaan francais yang ditawarkan oleh 85 syarikat pemamer yang terdiri daripada sektor yang berlainan antaranya, makanan, perkhidmatan, pakaian, kecantikan dan kesihatan serta banyak lagi. Sejumlah RM364 juta nilai jangkaan pelaburan telah berjaya dicatatkan sepanjang 3 hari program ini berlangsung. Persidangan Antarabangsa telah disertai oleh 214 peserta untuk mendapatkan dan berkongsi maklumat francais dengan 8 orang penceramah. Antara aktiviti lain yang diadakan sepanjang FIM2015 bagi memeriahkan lagi program adalah Bengkel Peluang Francais, Sesi Permadanan Perniagaan dan Coloring Contest for Children.

## Jawatankuasa Induk Malam Anugerah Francais 2014 (MAF2014)

Malam Anugerah Francais diadakan pada 31 Oktober 2014 di Hotel Royale Chulan Kuala Lumpur bagi memberi penghargaan tertinggi industri kepada syarikat francais untuk mengukuhkan jenama dan memberi impak positif bahawa jenama francais terutamanya jenama tempatan pada masa hadapan dapat berkembang dengan lebih meluas lagi dan setanding dengan jenama francais berjaya luar negara. Program ini yang bertemakan Batik Turquoise telah dihadiri oleh 800 tetamu dan diserikan dengan acara selingan yang menarik iaitu acara koktel, temuramah karpet merah, cabutan bertuah serta persembahan hiburan daripada Zainal Abidin dan Pija Mentor. Anugerah keseluruhan bagi kategori Francais Terbaik telah dimenangi oleh Marrybrown Sdn Bhd.

## Jawatankuasa Induk Franchise Golf Challenge 2014 (FGC2014)

Program FGC2014 telah diadakan pada 29 November 2014 bertempat di Kelab Golf Seri Selangor dan disertai oleh 60 orang pemain yang terdiri daripada agensi kerajaan, syarikat-syarikat korporat, media serta para penggiat francais. Program ini diadakan bagi mempromosikan francais melalui aktiviti rekreasi dikalangan penggiat francais, orang awam serta pihak media.

# PENTADBIRAN

## AHLI JAWATANKUASA PENTADBIRAN SESI 2013/2015

Pengerusi	: En. Mohammad Shukri Salleh (Franchise Channel (M) Sdn Bhd)
Ahli – Ahli	: En. Fauzi Awang (Wonderful Lifestyle Sdn. Bhd)
	: YBhg. Dato' Zahriah Abd Kadir (Zahriah Affiq Resort Sdn Bhd)
	: En. Ahmad Faizal Mohamed Noor (Ketua Eksekutif)
	: Pn. Zuraida Jomri (Sekretariat)
	: En. Norhadi Md Yusof (Sekretariat)
	: Cik. Fatin Nur'Atikah Abd Latip (Sekretariat)

---

## MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-19

1.0 Mesyuarat Agung Tahunan Kali ke-19 telah diadakan seperti butiran berikut:

Tarikh	: 29 Mei 2014
Tempat	: PWTC, Kuala Lumpur
Tetamu Kehormat	: YB Dato' Sri Hasan Malek
Kehadiran	: 81 orang

2.0 Antara keputusan yang telah diterima pada Mesyuarat Agung ini adalah seperti berikut:

- 2.1 En Andri Nasrun dari Little Cash (M) Sdn Bhd dan En Azizan Baharom dari Rishaz Beauty & Healthcare telah dipilih sebagai Juruaudit Dalaman bagi sesi 2014/2016.
- 2.2 Terdapat tiga (3) usul telah dibincangkan semasa Mesyuarat ini di mana satu (1) usul telah diterima manakala dua (2) usul telah ditolak.

Usul yang diterima adalah mengenai perlantikan Menteri PDNKK, YB Dato' Sri Hasan Malek sebagai Penasihat MFA. YB Menteri telah pun menyatakan persetujuannya untuk menjadi Penasihat MFA.

Manakala usul yang ditolak adalah berkenaan cadangan pengurangan yuran ahli kategori bakal francaisi dan perlantikan jawatan Pengerusi MFA haruslah disandang di kalangan Ahli kategori Francaisor atau Francaisi sahaja.

## MESYUARAT JAWATANKUASA UTAMA

Mesyuarat Jawatankuasa telah dilaksanakan bagi memastikan dan memantau aktiviti dilaksanakan seperti yang telah dijadualkan serta membincangkan perkara atau isu berbangkit yang perlu diambil tindakan. Walau bagaimanapun pemantauan aktiviti ini tidak terhad melalui mesyuarat Jawatankuasa Utama dan Jawatankuasa Eksekutif sahaja, mesyuarat di antara Jawatankuasa kecil dan di kalangan sekretariat juga sering dilaksanakan. Jadual perlaksanaan mesyuarat bagi tahun 2014 adalah seperti berikut:

# PENTADBIRAN

BIL	TARIKH	MESYUARAT
1.	3 Julai 2013	Mesyuarat Jawatankuasa Utama Bil 1/2013-2015
2.	8 November 2013	Mesyuarat Jawatankuasa Utama Bil 2/2013-2015
3.	9 Januari 2014	Mesyuarat Jawatankuasa Utama Bil 3/2013-2015
4.	6 Mac 2014	Mesyuarat Jawatankuasa Utama Bil 4/2013-2015
5.	23 Mei 2014	Mesyuarat Jawatankuasa Utama Bil 5/2013-2015
6.	5 September 2014	Mesyuarat Jawatankuasa Utama Bil 6/2013-2015
7.	9 Januari 2015	Mesyuarat Jawatankuasa Utama Bil 7/2013-2015
8.	15 April 2015	Mesyuarat Jawatankuasa Utama Bil 8/2013-2015

## PERLANTIKAN JAWATAN

Sepanjang tahun 2014, terdapat ahli Jawatankuasa yang telah dilantik bagi mengisi kekosongan jawatan dan butiran lanjut adalah seperti berikut:

BIL	NAMA	BUTIRAN
1.	YBrs. Dr. Azman Adnan	Telah menggantikan kekosongan jawatan Ahli JKU, En. Mohamad Sabri Mohamed Noor yang bertukar syarikat pengurusan pada bulan April 2014.

## PERLETAKAN JAWATAN

Sepanjang tahun 2014, terdapat ahli Jawatankuasa yang telah meletakkan jawatan disebabkan tidak lagi berkhidmat dengan organisasi dan butiran lanjut adalah seperti berikut:

BIL	NAMA	BUTIRAN
1.	En. Mohamad Sabri Mohamed Noor	Telah bertukar syarikat pengurusan daripada Rakyat Management Services Sdn Bhd ke Bank Rakyat Berhad pada bulan Februari 2014.
2.	En. Jamel Jamaludin	Telah meninggal dunia pada Oktober 2014.
3.	En Abdul Rahman Mohamed	Telah bertukar jabatan daripada Bahagian Francais kepada Bahagian Pembangunan Perniagaan pada bulan Disember 2014.

## KUNJUNGAN HORMAT

Kunjungan hormat ini dilaksanakan bagi mengukuhkan hubungan dua hala, melaksanakan kerjasama dalam penganjuran aktiviti serta mendapatkan maklumbalas mengenai isu semasa industri francais. Pada tahun 2014, Jawatankuasa telah mangadakan kunjungan hormat seperti senarai berikut:

# PENTADBIRAN

BIL	TARIKH	MESYUARAT
1.	18 Mac 2014	YBhg Dato' Sri Alias Bin Haji Ahmad Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan
2.	1 April 2014	YBhg Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob Menteri Pertanian & Industri Asas Tani Malaysia

## SEKRETARIAT

1. Sekretariat ditubuhkan untuk membantu Ahli Jawatankuasa Utama Persatuan menjalankan dan melaksanakan aktiviti-aktiviti yang mendarangkan faedah kepada ahli secara khususnya dan industri francais secara umumnya.
2. Di peringkat sekretariat, terdapat 8 orang kakitangan tetap dan dibantu oleh 11 kakitangan sokongan bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti yang telah dirancang.
3. En. Zainudin Zakaria, Ketua Eksekutif telah menamatkan perkhidmatannya di MFA selama 2 tahun pada 31 Disember 2014.

## INFORMASI, TEKNOLOGI & KOMUNIKASI

### 1. Laman Sesawang di [www.mfa.org.my](http://www.mfa.org.my)

Membina, menyelenggara dan menaiktarafkan laman sesawang MFA dan program anjuran MFA seperti FIM2014, FGC2014 dan MAF2014. Tujuan utama ialah menjadikan laman sesawang ini sebagai pusat rujukan maklumat francais, saluran para ahli mempromosikan aktiviti mereka dan bagi MFA menyebarluaskan maklumat terkini berkaitan industri francais serta aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh MFA. Perbandingan kedudukan terkini laman sesawang yang mempromosikan francais adalah seperti berikut:

Alamat url	Kedudukan Antarabangsa	Kedudukan di Malaysia
<a href="http://www.mfa.org.my">www.mfa.org.my</a>	561,734	12,073
Maklumat berdasarkan kepada alexa.com		

### 2. Hebahan Melalui Email, Sistem Pesanan Ringkas (SMS) dan Fax Digital

Pelbagai aktiviti semasa atau tahunan anjuran MFA telah dihebahkan kepada para ahli dan orang awam yang bertujuan untuk mempromosikan serta memaklumkan maklumat terkini berkaitan MFA dan para ahli secara sistematis. Selain itu, MFA juga telah membantu ahli-ahli untuk menyebarluaskan iklan, promosi dan berita francais mereka melalui kaedah ini.

## KALENDAR AKTIVITI

JKK Pentadbiran bertanggungjawab untuk mengkordinasikan dan memastikan aktiviti MFA yang telah dirancang dilaksanakan mengikut perancangan. Sepanjang tahun 2014, Persatuan telah menganjurkan pelbagai aktiviti yang melibatkan ahlinya dan orang awam. Selain itu, Persatuan juga telah menyertai dan menerima jemputan anjuran ahli-ahli persatuan, agensi kerajaan dan pihak swasta. Kalender Aktiviti Tahun 2014 asalah seperti di muka surat 87-95.

# PENDAFTARAN & ETIKA

## AHLI JAWATANKUASA KECIL PENDAFTARAN & ETIKA SESI 2013/2015

Pengerusi	: En Fauzi Awang (Wonderful Lifestyle Sdn Bhd)
Ahli-ahli	: En. Mohamad Shukri Salleh (Franchise Channel (M) Sdn Bhd) : Cik Hisalmizan Mat Kimi (KPDNKK) : En. Badrul Hisham Shawal (Perbadanan Nasional Berhad) : En. Chew Phye Keat (Raja, Darryl & Loh) : En. Alex Chong (Sakura Kristal Sdn Bhd) : En. Yen Chee Yung (Snogurt Sdn Bhd) : En. Ahmad Faizal Mohamed Noor (Ketua Eksekutif) : En. Mohd. Faizal Abd. Latip (Sekretariat) : Cik Siti Aida Farhana Hamzah (Sekretariat)

---

### OBJEKTIF JKK

11 Feb 2014	Utusan Malaysia	Francais paling cepat, berkesan
18 Feb 2014	Utusan Malaysia	MFA berperanan galakkan francais
19 Feb 2014	Utusan Malaysia	Kunjungan mesra
25 Feb 2014	Utusan Malaysia	Francaisi berperanan jayakan perniagaan
Mac 2014	Top 10 Malaysia	<i>Shepherding The Franchise Industry</i>
4 Mac 2014	Utusan Malaysia	Hubungan francisor-francaisi
5 Mac 2014	Utusan Malaysia	FIM 2014 sasar jualan RM370 juta
	Kosmo	Transaksi bisnes FIM 2014 disasar RM370j
	Sin Chew Daily	FIM 2014 sasar jualan RM370 juta
	Sinar Harian	Sasar pelaburan francais RM370j
18 Mac 2014	Utusan Malaysia	Akta Francais lindungi kepentingan usahawan
25 Mac 2014	Utusan Malaysia	Pasaran tempatan atau antarabangsa
1 April 2014	Utusan Malaysia	Promosi dan pengiklanan
8 April 2014	Utusan Malaysia	Francais dan Pengguna
15 April 2014	Utusan Malaysia	Francais dan industri halal
22 April 2014	Utusan Malaysia	Francais kita kejayaan bersama

# PROMOSI & PERHUBUNGAN AWAM

## LAMPIRAN

TARIKH	SURAT KHABAR	TAJUK
22 Mei 2015	Berita Harian	Iklan persidangan antarabangsa
	Berita Harian	KPDNKK, MFA sasar raih pelaburan RM370 juta
	Kosmo	FIM 2014 bakal jana nilai transaksi RM370 juta
	Harian Metro	Galak francais mudah gerak
		FIM2014 sasar pelaburan RM370j
	Utusan Malaysia	FIM 2014 tarik pelaburan RM370 juta
30 Mei 2014	Utusan Malaysia	Francais diunjur sumbang RM25.6b
	Harian Metro	Sektor francais mampu sumbang RM25.6b
5 Jun 2014	Berita Harian	Iklan Persidangan Antarabangsa
9 Jun 2014	Utusan Malaysia	Logo buy FIM2014
10 Jun 2014	Utusan Malaysia	Logo buy FIM2014
12 Jun 2014	Utusan Malaysia	Logo buy FIM2014
14 Jun 2014	Utusan Malaysia	FIM2014 sasar RM400 juta
15 Jun 2014	Kosmo	FIM2014
	Mingguan Malaysia	Malaysia hab francais Asia Tenggara
	Metro Ahad	FIM2014
16 Jun 2014	Utusan Malaysia	Pengunjung pameran francais
18 Jun 2014	Utusan Malaysia	Mikro francais dapat tarikan di FIM 2014
29 Oktober 2014	Harian Metro	Industri francais jana pendapatan RM27b
	Utusan Malaysia	15 jenama francais tempatan ke peringkat akhir AFM
	Sinar Harian	15 jenama francais bersaing dalam AFM 2014
1 Nov 2014	Utusan Malaysia	MyIPO terima Anugerah Khas Francois 2014
	Berita Harian	Malaysia hab francais Asia
		BH menang dua anugerah
5 Nov 2014	Berita Harian	Iklan Anugerah Francois Malaysia 2014
25 Nov 2014	Sinar Harian	Kenny Rogers Roasters menang Anugerah Francois CSR
1 Dis 2014	Berita Harian	Nor Saiful juara Cabaran Golf Francois
2 Dis 2014	Mise En Place	<i>Franchise Industry</i>

# PENYELIDIKAN & PENDIDIKAN

## AHLI JAWATANKUASA KECIL PENYELIDIKAN & PENDIDIKAN SESI 2013/2015

Pengerusi : YBrs. Prof. Madya Dr. Mohd Hizam Hanafiah (Universiti Kebangsaan Malaysia)  
Naib Pengerusi : YBrs. Prof. Dr. Azmawani Abd Rahman (Universiti Putra Malaysia)  
Ahli – ahli : En. Ismailur Hadi Amat Bakeron (KPDKKK)  
: YBrs. Dr. Lokhman Hakim Osman (Universiti Kebangsaan Malaysia)  
: Tn. Hj. Marzuki Ahmad (Franchise Channel (M) Sdn Bhd)  
: En. Mohamad Shukri Salleh (Franchise Channel (M) Sdn Bhd)  
: En. Sri Ganesh A/L K. Bala Subramaniam (SB Franchise Management Sdn Bhd)  
: Pn. Wong Jin Nee (Messrs Wong Jin Nee & Teo)  
: En. Ahmad Faizal Mohamed Noor (Ketua Eksekutif)  
: En. Mohd Faizal Abd Latip (Sekretariat)  
: En. Wan Muhammad Zainal Wan Yahya (Sekretariat)  
: En. Abdullah Bin. Abu (Sekretariat)  
: En. Mohd Rithauddin Abd. Aziz (Sekretariat)

---

### OBJEKTIF JKK

Jawatankuasa Kecil Penyelidikan & Pendidikan bertanggungjawab merancang dan melaksanakan projek - projek latihan dan pendidikan kepada ahli - ahli dan menyelenggara pusat maklumat mengenai Industri Francais untuk faedah ahli-ahli.

### AKTIVITI PENYELIDIKAN

#### 1. Anugerah Francais Malaysia 2014

Anugerah Francais Malaysia sekali lagi telah diadakan bagi memberi pengiktirafan kepada pendokong-pendokong industri francais di Malaysia serta mengalakan inovasi-inovasi tempatan dalam usaha meningkatkan kemajuan industri francais di Malaysia.

Pada tahun ini, sebanyak 4 kategori Utama yang melibatkan 19 Anugerah dipertandingkan pada AFM 2014. AFM 2014 telah dilancarkan pada 19 Ogos 2014 dimana proses pencalonan secara rasminya dibuka kepada para ahli. Sehingga tarikh tutup pada 12 September 2014, pihak jawatankuasa telah menerima 45 pencalonan bagi pelbagai kategori.

Di samping itu, anugerah pada tahun ini juga menampilkan 1 anugerah khas Program Franchise Business Challenge 2014 untuk para siswa yang terlibat pertandingan pembangunan konsep perniagaan antara 5 universiti tempatan iaitu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Utara Malaysia, Universiti Sains Malaysia dan Universiti Malaysia Kelantan.

Dalam proses penilaian, Jawatankuasa telah disokong oleh para Panel Penilai dari pelbagai organisasi berkaitan seperti berikut :

1. Bahagian Pembangunan Francais, KPDKKK
2. Perbadanan Nasional Berhad (PNS),
3. Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO)
4. Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
5. SME Corporation Malaysia (SME Corp)

# PENYELIDIKAN & PENDIDIKAN

6. Export Import Bank (EXIM Bank)
7. Malayan Banking Berhad (Maybank)
8. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
9. Universiti Infrastruktur Kuala Lumpur (IUKL)
10. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
11. Universiti Putra Malaysia (UPM)
12. Universiti Teknologi Mara (UiTM)

Penyampaian Anugerah telah disempurnakan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri Koperasi & Kepenggunaan, YB Dato Sri' Hasan Malek pada 31 Oktober 2014 bertempat di Royale Chulan Hotel Kuala Lumpur.

## 2. Bengkel Pemurnian Modul

Jawatankuasa telah melaksanakan Bengkel Pemurnian Modul bagi mengemaskini kandungan Program Latihan Francais agar selaras dengan keperluan dan perkembangan terkini industri francais. Bengkel ini telah diadakan seperti butiran berikut :

Tarikh	:	4-6 April 2014
Tempat	:	Hotel Regency, Kuala Lumpur
Jawatankuasa	:	Prof. Madya Dr. Mohd Hizam Hanafiah En. Mohamad Shukri Salleh En. Wan Arjunawan Wan Halim Pn. Norbaini Datuk Hassan

## 3. Seminar GST Bagi Industri Francais

Jawatankuasa telah melaksanakan Seminar GST khusus bagi Industri francais dalam usaha memberikan penjelasan dan pemahaman tentang perlaksanaan sistem cukai berkenaan. Seminar ini melibatkan seramai 102 orang yang terdiri dikalangan ahli persatuan. Butiran seminar adalah seperti berikut:

Tarikh	:	5-6 Mei 2014
Tempat	:	Hotel Quality City Centre, Kuala Lumpur

## 4. Kajian Persepsi Dan Jangkaan Impak Cukai Barang & Perkhidmatan (GST) Ke Atas Industri Francais Di Malaysia

Jawatankuasa dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia telah melancarkan satu Kajian Persepsi Dan Jangkaan Impak GST Ke Atas Industri Francais. Tempoh kajian ini bermula pada 20 Mei 2014 dan dijangka berakhir pada 19 Mei 2015. Hasil kajian ini akan dikemukakan kepada pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDKKK) dan Kastam Diraja Malaysia (KDRM) untuk dipertimbangkan.

## 5. Majlis Konsultasi Bajet 2015

Jawatankuasa sekali lagi telah dijemput oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) untuk mengemukakan memorandum bagi perlaksanaan Konsultasi Bajet tahun 2015. Tajuk yang dicadangkan adalah "Merancakkan Pertumbuhan, Memastikan Kemapanan Fiskal, Mensejahterakan Rakyat". Jawatankuasa telah mengemukakan memorandum tersebut berdasarkan tajuk yang dicadangkan.

# PENYELIDIKAN & PENDIDIKAN

## PENDIDIKAN

### 1. Program Kursus Asas Perniagaan Francais (KAPF)

Objektif program ini adalah untuk memberi peluang dan pengetahuan kepada bakal-bakal penggiat francais mengenai aspek-aspek asas dan kaedah penilaian daya-maju sesebuah perniagaan francais.

Program ini turut menyediakan sesi perkongsian pengalaman bersama pihak francaisor dan francaisi terdiri daripada ahli – ahli MFA yang mana secara tidak langsung merupakan peluang mempromosikan perniagaan mereka kepada peserta yang hadir. Selain penglibatan francaisor dan francaisi dalam program ini, para penceramah yang dijemput juga terdiri daripada ahli persatuan seperti perunding- perunding francais, firma guaman dan wakil-wakil daripada institusi kewangan.

TARIKH	TEMPAT	PENGLIBATAN AHLI
15 - 16 Feb 2014	Hotel Ancasa, Kuala Lumpur	<ul style="list-style-type: none"><li>▪ Menara Optometry Centre Sdn Bhd (<i>Menara Optometry</i>)</li><li>▪ Emphasis Reality (<i>BBQ Chicken</i>)</li></ul>
29 - 30 Mac 2014	Hotel Regency, Kuala Lumpur	<ul style="list-style-type: none"><li>▪ Mosa Global Sdn Bhd (<i>Gloria Jean's Coffee</i>)</li></ul>
17 - 18 Mei 2014	Hotel Regency, Kuala Lumpur	<ul style="list-style-type: none"><li>▪ Qubah Emas Resources Sdn Bhd (<i>Adan Laundry</i>)</li><li>▪ Mosa Global Sdn Bhd (<i>Gloria Jean's Coffee</i>)</li></ul>
21 - 22 Jun 2014	Hotel Ancasa, Kuala Lumpur	<ul style="list-style-type: none"><li>▪ Mosa Global Sdn Bhd (<i>Gloria Jean's Coffee</i>)</li></ul>
27 - 28 Sep 2014	Hotel Regency, Kuala Lumpur	<ul style="list-style-type: none"><li>▪ Marrybrown Sdn Bhd (<i>Marrybrown</i>)</li></ul>

### 2. Kursus Persediaan Pendaftaran Francais & Latihan MyFEX

Objektif program ini adalah untuk menjelaskan persediaan menjadi sebuah syarikat francaisor dan tatacara mendaftarkan perniagaan melalui sistem MyFEX. Kursus tersebut telah diadakan seperti butiran berikut:

Tarikh : 20-21 Disember 2014  
Tempat : Hotel Grand Seasons, Kuala Lumpur  
Peserta : 12 orang

### 3. Seminar Akta Francais 1998 (Pindaan 2012)

Objektif program ini adalah untuk menjelaskan tentang peruntukan akta francais 1998 dan pindaannya pada tahun 2012 sebagai garis panduan para penggiat francais dalam menjalankan perniagaan. Seminar tersebut telah diadakan seperti butiran berikut:

Tarikh : 29 November 2014  
Tempat : Kelab Golf Seri Selangor, Petaling Jaya  
Peserta : 100 orang

# PENYELIDIKAN & PENDIDIKAN

## 4. Professional Certificate In Training and Development

Jawatankuasa dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia telah melaksanakan beberapa siri Professional Certificate In Training and Development.

Objektif program ini adalah untuk memberi pendedahan mendalam untuk menguruskan sesebuah program latihan seterusnya mewujudkan kumpulan pengajar dalam pelbagai bidang khususnya dalam industri francais. Program ini telah diadakan seperti butiran berikut:

TARIKH	KURSUS	TEMPAT	PENYERTAAN
24 - 26 Januari 2014	Training Need Analysis and Training Design Course	Hotel Quality, Kuala Lumpur	26 orang peserta
21 - 23 Februari 2014	Training Management and Evaluation Course	Klana Beach Resort, Port Dickson	29 orang peserta
14 - 16 Mac 2014	Training Of Trainer	Bella Vista Resort, Langkawi	30 orang peserta

## 5. Program Francais Siswa 2014

Jawatankuasa dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah melaksanakan Program Francais Siswa 2014 yang melibatkan para mahasiswa daripada 8 Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Program selama 6 bulan ini telah dilaksanakan seperti butiran berikut:

TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT
24 Mei 2014	Seminar Sehari Francais	Dewan Serbaguna, KPDNKK
14 Jun 2014	Persidangan Francais Antarabangsa Malaysia (FIM2014)	PWTC, Kuala Lumpur
4-7 Julai 2014	Kursus Intensif Francais	PNB Ilham Resort, Port Dickson
1 Oktober 2014	Franchise Business Challenge 2014	Universiti Kebangsaan Malaysia
31 Oktober 2014	Anugerah Francais Malaysia 2014	The Royale Chulan Hotel, Kuala Lumpur

Kemuncak bagi program ini telah mengiktiraf Universiti Putra Malaysia (UPM) sebagai Johan Program Francais Siswa 2014 diikuti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sebagai Naib Johan dan Universiti Sains Malaysia (USM) sebagai Tempat ketiga. Anugerah telah disampaikan oleh YB Dato Sri Hasan Bin Malek, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan pada 31 Oktober 2014 sempena Malam Anugerah Francais 2014 di The Royale Chulan Hotel, Kuala Lumpur.

# **PEMBANGUNAN PERNIAGAAN**

## AHLI JAWATANKUASA KECIL PEMBANGUNAN PERNIAGAAN SESI 2013/2015

Pengerusi	:	En. Wan Arjunawan Wan Halim (Enterpreneur Culture Inc.Sdn. Bhd)
Ahli - ahli	:	En. Mohamad Shukri Salleh (Franchise Channel (M) Sdn Bhd)
	:	En. Ahmad Faizal Mohamed Noor (Sekretariat)
	:	En. Mohd Faizal Abd Latip (Ketua Eksekutif)
	:	En. Wan Muhammad Zainal Wan Yahya (Sekretariat)
	:	En. Abdullah Bin Abu (Sekretariat)
	:	En. Farhan Wahab Zahari

---

### **OBJEKTIF JKK**

Jawatankuasa Kecil Pembangunan Perniagaan bertanggungjawab menangani dan memantau isu-isu semasa ahli di dalam aspek pembangunan perniagaan francais dan industri secara khusus seperti kewangan, premis, keusahawanan dan pembangunan produk melalui integrasi setiap ahli dengan agensi kerajaan, korporat dan usahawan di samping mewujudkan peluang-peluang perniagaan melalui aktiviti yang dilaksanakan bertujuan bagi mengukuhkan dana MFA.

#### **1. Program Pembangunan Produk Francais Tempatan (PPPFT)**

MFA telah menganggotai Jawatankuasa Induk Pembangunan Produk (JIPP) dan Jawatankuasa Teknikal Pembangunan Produk (JTPP) untuk setiap negeri.

Sebanyak 15 ahli MFA yang terdiri daripada perunding francais turut terlibat dalam menilai dan membangunkan produk-produk di bawah program ini.

#### **2. Kerjasama Dengan Institusi Kewangan - Credit Guarantee Corporation (CGC)**

Jawatankuasa bersama Credit Guarantee Corporation (CGC) akan menandatangani satu memorandum persefahaman dalam menyediakan skim pembiayaan kepada para penggiat francais. Beberapa siri perbincangan telah diadakan bagi menyediakan draf Memorandum yang dijangka akan dimuktamatkan pada tahun 2015.

#### **3. Kerjasama Penerbitan Buku Panduan Pendaftaran Francais**

Jawatankuasa dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan akan menerbitkan satu buku Panduan Pendaftaran Francais yang bertujuan menerangkan garis panduan pendaftaran serta maklumat – maklumat umum berkaitan industri francais Malaysia umumnya. Kerja-Kerja awal telah pun dilaksanakan dan dijangka akan diterbitkan pada tahun 2015.

#### **4. Program Pengukuhan Pembangunan Francais Untuk Meningkatkan Eksport (EFDP)**

Jawatankuasa dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dan Unit Perancangan Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri akan melancarkan Program Pengukuhan Pembangunan Francais Untuk Meningkatkan Eksport.

Tujuan utama program ini diwujudkan adalah untuk membantu para penggiat francais tempatan lebih bersedia dan berdaya saing dalam mengembangkan perniagaan ke peringkat global. Beberapa siri perbincangan di antara penggiat francais dan agensi berkaitan telah diadakan bagi memuktamatkan cadangan perlaksanaannya. program ini dijangka dapat dilancarkan pada pertengahan tahun 2015.

# **PEMBANGUNAN PERNIAGAAN**

## **5. Program Projek Khas**

### **a. Program Kerjasama Seminar Francais Bersama SEED**

Jawatankuasa dengan kerjasama dengan Sekretariat Khas Untuk Memperkasakan Usahawan India (SEED) telah menganjurkan seminar francais khusus untuk usahawan-usahawan India di Malaysia. Butiran seminar tersebut adalah seperti berikut :

Tarikh	: 11 Oktober 2014
Tempat	: Grand Seasons Hotel, Kuala Lumpur
Dirasmikan	: YB. Dato Sri Hasan Bin Malek, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDKKK)

### **b. Program Perkampungan Francais**

Jawatankuasa dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDKKK), telah melancarkan Program perkampungan Francois.

Objektif utama program ini adalah menngukuhkan promosi perniagaan francais di samping mewujudkan satu ruang niaga khusus untuk para peniaga francais di bawah satu bumbung.

Beberapa lokasi telah dikenalpasti untuk dibangunkan sebagai perkampungan Francois ini.

### **c. Program Mobil Francais**

Program francais mobile dilancarkan dengan tujuan mempromosikan konsep perniagaan francais secara bergerak. Beberapa program telah melibatkan francais mobile seperti butiran berikut:

Program	: Hari Francois 2014
Tarikh	: 22 - 24 April 2014
Tempat	: Ruang Legar , Kementerian Perdagangan Dalam negeri, Koperasi & Kepenggunaan (KPDKKK)
Program	: Cabaran Niaga Francois 2014
Tarikh	: 1 Oktober 2014
Tempat	: Ruang Pusanika, Universiti Kebangsaan Malaysia

# RUNDINGCARA & KEBAJIKAN

AHLI JAWATANKUASA KECIL RUNDINGCARA & KEBAJIKAN SESI 2013/2015

Pengerusi	: YBhg Dato' Dr. Manjit Singh Sachdev (Manjit Singh Sachdev, Mohamad Radzi & Partners)
Ahli-Ahli	: Pn. Fadhilah Mohd Zaki (KPDNKK) : En. Izdihar Mostamam (Perbadanan Nasional Berhad) : En. Mohamad Shukri Salleh (Franchise Channel (M) Sdn Bhd) : En. Ahmad Faizal Mohamed Noor (Ketua Eksekutif) : En. Mohd. Faizal Abd. Latip (Sekretariat) : Cik Aida Farhana Hamzah (Sekretariat)

---

# RUNDINGCARA & KEBAJIKAN

## OBJEKTIF JKK

Jawatankuasa Kecil Rundingcara dan Kebajikan ini bertanggungjawab memberi khidmat kaunseling, menjaga kebijakan ahli serta mengambil tindakan menjalankan timbangtara dalam sesuatu konflik sesama ahli.

## RUNDINGCARA

Klinik francais dilaksanakan berdasarkan kepada keperluan kes dan aduan rasmi yang diterima oleh Jawatankuasa. Khidmat kaunseling ini hanya diberikan kepada ahli MFA sahaja. Kebanyakan kes yang dilaporkan melibatkan pelbagai isu dari permasalahan yang wujud antara francaisor dan francaisi.

Pihak MFA akan terlebih dahulu meneliti samada kes-kes yang dilaporkan itu melibatkan Akta Francois 1998, amalan etika perniagaan atau kelakuan profesional seseorang ahli, seterusnya menyiasat kes yang dikemukakan dan merujuk kes-kes tersebut kepada agensi-agensi berkaitan seperti KPDNKK, PNS dan sebagainya.

Sepanjang tahun 2014, 4 kes telah dikemukakan kepada MFA. Antara isu-isu yang dikemukakan adalah seperti isu sokongan francaisor kepada francaisi.

## KEBAJIKAN

Jawatankuasa telah menerima 6 permohonan sokongan berkenaan khidmat nasihat dan sokongan sepanjang tahun 2014 daripada ahli. Antara isu-isu yang diterima seperti sokongan untuk mendapatkan kad perjalanan perniagaan dan sokongan untuk pengecualian Moratorium kepada Pusat Bahasa .

# **PROGRAM PERSIDANGAN & PAMERAN FRANCHISE INTERNATIONAL MALAYSIA 2014 (FIM2014)**

## AHLI JAWATANKUASA INDUK FIM2014

Pengerusi Bersama	: En. Ibrahim Ismail (BPF, KPDKKK)
	: En. Izham Hakimi Hamdi (Naza Tutti Frutti (M) Sdn Bhd)
Naib Pengerusi	: En. Shamsul Zariman Saifuzzaman (Malayan Banking Berhad)
	: En. Khairuddin Yahya (AVON Cosmetics (M) Sdn Bhd)
Ahli Jawatankuasa	: YBhg. Dato' Zahriah Abd Kadir (Rangkaian Hotel Sri Malaysia)
	: En. Rozaiman Che Kar (Ria-Two Sdn Bhd)
	: En. Wan Arjunawan Wan Halim (Arjuna Food Management)
	: En. Zainudin Zakaria (Ketua Eksekutif)
	: En. Ahmad Faizal Mohamed Noor (Sekretariat)
	: En. Mustaffa Mat Arof (Sekretariat)
	: En. Mohd Faizal Abd Latip (Sekretariat)
	: Cik Nadirah Md.Nor (Sekretariat)

---

## **OBJEKTIF PENGANJURAN**

Program ini bertujuan untuk membantu merealisasikan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia pintu masuk utama dan juga pusat perkembangan francais di rantau ini. Program seumpama ini juga akan dapat mengenangkan francais sebagai satu strategi dalam membangunkan usahawan tempatan dan sebagai perniagaan yang berpotensi untuk disertai samada sebagai francaisor, francaisi,atau francaisi induk.

## **MAKLUMAT PROGRAM**

Program	: Pameran dan Persidangan Antarabangsa Malaysia 2014
Tarikh	: 13 Jun 2014 – 15 Jun 2015 (Jumaat – Ahad)
Masa	: 10.00 pagi – 6.00 petang
Tempat	: PWTC, Kuala Lumpur dan Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur
Tetamu Kehormat	: Yang Berhormat Dato Sri Hasan Malek Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi & Kepenggunaan

## **PENCAPAIAN PROGRAM**

Penganjuran program FIM2014 telah dilaksanakan dengan jayanya dan mendapat maklumbalas yang memberansangkan. Berikut adalah pencapaian yang diperoleh pada program FIM2014:-

Bilangan ruang pameran	: 118 ruang pameran
Jumlah pemamer	: 85 syarikat
Jumlah transaksi	: RM364 juta
Bilangan pengunjung	: 10,393 pengunjung

# PROGRAM PERSIDANGAN & PAMERAN FRANCHISE INTERNATIONAL MALAYSIA 2014 (FIM2014)

## PAMERAN

### 1. Ruang Pameran

Pada tahun 2014, sebanyak 118 ruang pameran telah menyertai program FIM2014 di mana sebanyak 85 ruang pameran disertai oleh pemamer tempatan berbanding sebanyak 33 ruang pameran oleh jumlah antarabangsa. Pecahan penyertaan adalah seperti Jadual di bawah:

KATEGORI	RUANG PAMERAN	
	TEMPATAN	ANTARABANGSA
Francaisor	42	13
Francaisor Baru	10	-
Francaisi Induk	-	13
Bakal Francaisor	14	-
Institusi Sokongan	15	7
Media	3	-
Lain-Lain	1	-
<b>JUMLAH</b>	<b>85</b>	<b>33</b>

### Pemamer FIM2014





# PROGRAM PERSIDANGAN & PAMERAN FRANCHISE INTERNATIONAL MALAYSIA 2014 (FIM2014)

## 2. Pengunjung

Penganjuran FIM2014 telah berjaya menarik minat seramai 10,393 pengunjung berbanding 10,679 pada FIM2013. Pengunjung FIM2014 telah menarik minat pengunjung tempatan dari serata Malaysia dan pengunjung luar negara seperti Australia, Indonesia, Korea, Singapore, Thailand serta Yemen.


Jangkaan Pelaburan oleh Pengunjung

Jangkaan Kunjungan Pengunjung



- Kurang daripada RM50,000 (39.33%)
- RM50,000 - RM150,000 (26.99%)
- RM150,000 - RM250,000 (15.46%)
- RM250,000 - RM450,000 (10.12%)
- Melebihi RM450,000 (8.10%)

Bidang Perniagaan yang diminati oleh Pengunjung



# **PROGRAM PERSIDANGAN & PAMERAN FRANCHISE INTERNATIONAL MALAYSIA 2014 (FIM2014)**

## **PERSIDANGAN ANTARABANGSA FIM2013**

Program ini telah diadakan pada 20 - 21 September 2013, bertempat di Dewan Tun Hussein Onn dan telah berjaya mendapatkan sebanyak 214 penyertaan. Seramai 8 orang pembentang kertas kerja telah terlibat dalam persidangan kali ini. Para peserta yang mengikuti program ini telah diberikan pendedahan mengenai perkembangan industri francais khususnya di peringkat global. Berikut adalah senarai penceramah bagi program Persidangan Antarabangsa FIM2014 :

BIL	NAMA PENCERAMAH	ORGANISASI
1.	YBhg. Dato' Sri Dr. Richard Ong Thiam Boon	Smart Reader Worldwide Sdn Bhd
2.	En. Ben Foo	Golden Arches Restaurant Sdn. Bhd
3.	En. Fauzi Awang	Wonderful Lifestyle Sdn Bhd
4.	En. George Ang	Revenue Valley Sdn Bhd
5.	En. Izham Hakimi Hamdi	Naza Tutti Frutti Sdn Bhd
6.	En. Jason Gehrke	Franchise Advisory Centre Of Australia
7.	En. Jeffrey Bahar	Spire Research & Consulting
8.	En. Joshua Liew	Marrybrown Sdn Bhd

## **BENGKEL PELUANG FRANCAIS**

Program ini telah dianjurkan selama 2 hari iaitu pada 14 - 15 Jun 2014. Syarikat yang telah mengambil bahagian dalam program ini adalah seperti berikut :-

BIL	SYARIKAT	JENAMA	NEGARA
1.	Marrybrown Sdn Bhd	Marrybrown	Malaysia
2.	Naza Tutti Frutti (M) Sdn Bhd	Tutti Frutti	US
3.	Perbadanan Nasional Berhad	PNS	Malaysia
4.	Pusat Tuisyen Seri Puncak Sdn Bhd	BM World	Malaysia
5.	Rakyat Management Services Sdn Bhd	Ar-Rahnu X- Change	Malaysia
6.	Smart Reader Worldwide Sdn Bhd	Smart Reader	Malaysia
7.	Snogurt Sdn Bhd	Snogurt	Malaysia

## **SESI PEMADANAN PERNIAGAAN**

Program ini telah diadakan pada 13 Jun 2014 dan dihadiri oleh 18 orang peserta yang terdiri daripada Filipina, Indonesia, Korea, Malaysia dan Singapura. Taklimat mengenai peluang perniagaan francais di Malaysia telah diberikan oleh wakil MFA, KPDNKK dan PNS.

# PROGRAM PERSIDANGAN & PAMERAN FRANCHISE INTERNATIONAL MALAYSIA 2014 (FIM2014)

## COLORING CONTEST FOR CHILDREN

Program ini telah dianjurkan dengan kerjasama daripada Krista Education Sdn Bhd pada 15 Jun 2014 dengan penyertaan sebanyak 166 peserta. Terdapat 3 kategori penyertaan yang melibatkan usia daripada 3 tahun sehingga 12 tahun. Majlis Penyampaian hadiah telah disampaikan oleh YBhg Dato' Zahriah Abd Kadir, Penolong Setiausaha MFA kepada para pemenang.

## SUMBANGAN PENAJAAN

Program FIM2014 telah mendapat sumbangan penajaan secara tunai dan barang dari penaja-penaja berikut:



# PROGRAM MALAM ANGERAH FRANCAIS (MAF2014)

## AHLI JAWATANKUASA INDUK MAF2014

Pengerusi Majlis Makan Malam	: YBhg. Dato' Zahriah Abd Kadir (Zahriah Affiq Resort Sdn Bhd)
Pengerusi Anugerah	: YBrs. Prof. Madya Dr. Mohd Hizam Hanafiah (Universiti Kebangsaan Malaysia)
Ahli-Ahli	: YBhg. Datuk Mohd Latip Sarrugi (Mohd Latip & Associates) : YBhg. Datuk Radzali Hassan (Harta Maintenance Sdn Bhd) : YBhg. Dato' Seri Dr. Richard OngThiam Boon (Smart Reader Worldwide Sdn Bhd) : YBhg. Dato' Abdullah A.Rasol (Eden Inc. Berhad) : YBhg. Dato' Dr. Manjit Singh Sachdev (Manjit Singh, Mohamad Radzi & Partners) : YBrs. Dr. Azman Adnan (Rakyat Management Services Sdn Bhd) : Pn. Al – Kamaruzzita Mohd Amin (Harta Maintenance Sdn Bhd) : En. Fauzi Awang (Wonderful Lifestyle Sdn Bhd) : En. Izham Hakimi Hamdi (Naza Tutti Fruti (M) Sdn Bhd) : En. Khairuddin Yahya (AVON Cosmetics (M) Sdn Bhd) : En. Mohamad Shukri Salleh (Franchise Channel (M) Sdn Bhd) : En. Neoh Eng Kee (Manjit Singh, Mohamad Radzi & Partners) : En. Rozaiman Che Kar (Ria-Two Sdn Bhd) : En. Shamsul Zariman Saifuzzaman (Malayan Banking Berhad) : Pn. Vimal Isha Kaur (Manjit Singh, Mohamad Radzi & Partners) : En. Wan Arjunawan Wan Yahya (Arjuna Food Management)

---

## OBJEKTIF PENGANJURAN

Program ini bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada penggiat francais yang menunjukkan prestasi cemerlang di dalam sektor francais bagi tahun 2014. Selain itu, program ini juga akan dapat mengeratkan perhubungan di kalangan ahli di samping mengumpul dana untuk MFA.

## MAKLUMAT PROGRAM

Program	: Malam Anugerah Francois 2014 (MAF2014)
Tempat	: Taming Sari, Grand Ballroom, Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur
Tarikh	: 31 Oktober 2014, Jumaat
Masa	: 6.00 petang – 11.00 malam
Tema Program	: Batik Turquoise
TetamuKehormat	: YB Dato' Sri Hasan bin Malek Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi & Kepenggunaan (KPDNKK)

# PROGRAM MALAM ANGERAH FRANCAIS (MAF2014)

## MAJLIS MAKAN MALAM

### 1. Acara Koktel

Majlis beramah mesra bersama tetamu sebelum masuk ke dewan ini diserikan dengan persembahan muzik dan lagu daripada Busker sambil dihidangkan dengan jamuan koktel. Jamuan koktel ini dimeriahkan dengan penajaan hidangan koktel daripada beberapa syarikat francais iaitu Berjaya Roasters Sdn Bhd, Little Cash Sdn Bhd, Marrybrown Sdn Bhd dan NazaTuttiFrutti (M) Sdn Bhd.

### 2. Temuramah Karpet Merah (Red Carpet)

Acara ini bertujuan untuk menemuramah calon-calon akhir bagi Anugerah Francais Malaysia 2014 dan sesi bergambar bersama tetamu yang hadir. Selain calon-calon akhir, panel-panel pemilih dan beberapa orang tetamu turut ditemuramah sepanjang majlis berlangsung.

### 3. Persembahan Hiburan

Para tetamu telah dihiburkan dengan persembahan nyanyian daripada Zainal Abidin dan Pija (Mentor). Pija telah mempersembahkan 3 buah lagu iaitu If I Ain't Got You, All of Me dan Bunyi Gitar. Kemuncak persembahan nyanyian adalah daripada Zainal Abidin yang telah menyampaikan 3 buah lagu popular beliau iaitu Hijau, Puteri dan Kau di Hatiku.

### 4. Cabutan Bertuah

Acara cabutan bertuah ini adalah program selingan bagi Malam Anugerah Francais 2014. Hadiah cabutan bertuah ini telah disampaikan dikalangan tetamu Kehormat.

## ANUGERAH FRANCAIS MALAYSIA 2014

### 1. Jawatankuasa Pemilih

Jawatankuasa Pemilih berperanan untuk menilai keseluruhan sistem dan kriteria penilaian, perjalanan proses penilaian serta skima permarkahan secara keseluruhannya. Jawatankuasa pemilih terdiri daripada wakil agensi atau badan profesional dan butiran lanjut jawatankuasa adalah seperti berikut:

BIL	ORGANISASI	WAKIL
1.	KPDNKK	En. Ibrahim Bin. Ismail
2.	PNS	YBhg. Dato' Syed Kamarulzaman Dato' Syed Zainol Khodki Shahabudin
3.	MYIPO	Puan Shamsiah Kamaruddin
4.	PUNB	YBhg. Datuk Dzulkifli Fadzilah
5.	SME Corp	YBhg. Dato' Hafsa Hashim
6.	MPC	YBhg. Dato' Mohd. Razali Hussain
7.	JAKIM	YBhg. Dato' Haji Othman Mustapha
8.	Maybank	YBhg. Datuk Abdul Farid Alias
9.	EXIM Bank	YBhg. Dato' Adissadikin Ali

# PROGRAM MALAM ANGERAH FRANCAIS (MAF2014)

## 2. Pemenang Anugerah Francais Malaysia 2014

Berikut adalah merupakan senarai para pemenang bagi semua kategori yang dipertandingkan untuk Anugerah Francais Malaysia 2014 :

Kategori Francais Sistem	
Francais Terbaik	Marrybrown Sdn Bhd (Marrybrown)
Francaisor Terbaik	Marrybrown Sdn Bhd (Marrybrown)
Francaisi Induk Terbaik	Avon Cosmetic (M) Sdn Bhd (Avon)
Francaisor Harapan Terbaik	Global Art And Creative SdnBhd( Gobal Art )
Francais Mikro Terbaik	Global Art & Creative SdnBhd (Global Art)
Francaisor Antarabangsa Terbaik	Marrybrown Sdn Bhd – Marrybrown

Kategori Francaisi	
Francaisi Terbaik	HR Bestari Sdn Bhd (Smart Reader Kids)
Francaisi Harapan Terbaik	Koperasi Seri Beruas Berhad (ArRahnu 'Xchange)

Kategori Terbuka	
Majikan Francais Terbaik	Harta Maintenance Sdn Bhd (Harta EMS)
Tanggungjawab Sosial Korporat Terbaik	Berjaya Roaster (M) Sdn Bhd (Kenny Rogers Roasters)
Inovasi Francais Terbaik	Daily Fresh Foods Sdn Bhd (Daily Fresh)

Kategori Penghargaan Khas	
Penghargaan Khas – Individu	♦ YBhg Dato' Mohd Nasir Noryakin ♦ Allahyarham Haji Jamel Jamaludin
Penghargaan Khas – Organisasi	Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO)
Penghargaan Khas Media – Individu	Hazwan Faisal Mohamad (BeritaHarian)
Penghargaan Khas Media – Organisasi	Berita Harian Sdn Bhd

Franchise Business Challenge 2014	
Johan	Universiti Putra Malaysia (UPM)
Naib Johan	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
Tempat ke-3	Universiti Sains Malaysia (USM)

# PROGRAM MALAM ANGERAH FRANCAIS (MAF2014)

## INSENTIF PEMENANG

Para pemenang Anugerah akan memperolehi insentif seperti senarai di bawah sebagai penghargaan di atas kemenangan mereka. Insentif ini juga diharapkan dapat menarik lebih banyak penyertaan pada Anugerah akan datang.

- Trofi Anugerah
- Sijil Anugerah Francais Malaysia
- Sijil Pengiktirafan dari APFC
- Ruang Pameran Percuma di FIM2015
- Ruang Pameran Percuma di Misi Perdagangan Antarabangsa
- Pakej liputan media
- Laporan Penilaian Anugerah Percuma kepada Calon-Calon
- Program Latihan Francais percuma untuk semua pemenang

## PENAJAAN

Program Malam Anugerah Francais 2014 ini telah mendapat pelbagai sumbangan penajaan daripada beberapa organisasi dan syarikat di dalam industri francais. Senarai penaja utama MAF2014 adalah seperti berikut:



# PROGRAM FRANCHISE GOLF CHALLENGE (FGC2014)

## AHLI JAWATANKUASA INDUK FGC2014

Pengerusi	: Y.Bhg. Datuk Abdullah A.Rasol (Eden Inc Sdn Bhd)
	: En. Mohammad Shukri Salleh (Franchise Channel Sdn Bhd)
Ahli-ahli	: En. Zainuddin Zakaria (Ketua Eksekutif)
	: En. Ahmad Faizal Mohamed Noor (Sekretariat MFA)
	: En. Mustaffa Mat Arof (Sekretariat MFA)
	: En. Mohd. Rithauddin Abd. Aziz (Sekretariat MFA)

## OBJEKTIF PENGANJURAN

Program ini adalah merupakan satu usaha untuk mempromosikan francais melalui aktiviti rekreasi atau riadah. Selain daripada itu, ia bertujuan untuk mengeratkan lagi jaringan kerjasama diantara ahli-ahli MFA dengan pihak-pihak lain yang terlibat di dalam sektor francais di samping mengumpul dana untuk mengisi tabung MFA.

## MAKLUMAT PROGRAM

Program	: Cabaran Golf Francais 2014 (FGC 2014)
Tarikh	: 29 November 2014 (Sabtu)
Masa	: 7.00 pagi – 3.00 petang
Tempat	: Kelab Golf Seri Selangor, Damansara, Selangor
Kehadiran	: 60 pemain (15 Flight)

## PENYERTAAN

FGC2014 telah berjaya menarik penyertaan 60 orang pemain / 15 flight yang terdiri dari agensi kerajaan, syarikat-syarikat korporat, media serta para penggiat francais.

Bekas kapten pasukan hoki kebangsaan, Nor Saiful Zaini Nasiruddin muncul juara FGC2014 dengan menghimpunkan 39 mata bagi mengenetepikan kira-kira 60 pemain termasuk Mohamad Zaiharin di tempat kedua dengan 37 mata dan Mustafa Lebai Awang di tempat ketiga dengan 37 mata.

## PENAJAAN

Program Cabaran Golf Francais 2014 ini telah mendapat pelbagai sumbangan penajaan secara tunai dan barang dari organisasi dan syarikat francais. Senarai penajaan adalah seperti berikut



SEKRETARIAT KHAS UNTUK  
MEMPERKASAAN USAHAWAN INDIA (SEED)  
JABATAN PERDAWA MENTERI


## **LAPORAN KEWANGAN**

- **Ringkasan Laporan Kewangan 2014**
- **Laporan Juruaudit Bebas Kepada Ahli-Ahli MFA**
- **Laporan Ahli Jawatankuasa Utama**
- **Akaun Berkanun**
- **Lembaran Imbangan**
- **Penyata Pendapatan & Perbelanjaan**
- **Penyata Penerimaan & Perbelanjaan**
- **Nota-Nota kepada Penyata Kewangan**

# RINGKASAN LAPORAN KEWANGAN 2014

Secara keseluruhannya, pendapatan dan perbelanjaan MFA dipengaruhi oleh perlaksanaan aktivitinya sama ada dilaksanakan dengan pembiayaan sepenuhnya oleh MFA atau terdapat perolehan yang diterima daripada pihak Kementerian iaitu program yang dianjurkan secara kerjasama. Pendapatan dan perbelanjaan yang diperolehi daripada program yang dianjurkan secara kerjasama ini tidak dapat dijangkakan kerana tertakluk kepada keputusan pihak Kementerian. Oleh itu, jumlah pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan mempunyai perbezaan ketara. Pada 2014, aset berkurang sebanyak 6% atau RM122 ribu ekoran pengurangan pada jumlah yuran belum diterima dan pegangan tunai. Jumlah liabiliti juga berkurangan sebanyak 43% atau RM155 ribu terutamanya pada hasil terdahulu.

MFA mencatatkan sedikit peningkatan dalam pendapatan sebanyak 1% daripada 2013 dimana RM4.050 juta dicatatkan pada 2014 berbanding RM4.008 juta pada 2013. Langkah-langkah penjimatan dan kos efektif telah dilaksanakan pada 2014 namun terdapat sedikit peningkatan perbelanjaan yang tidak dapat dielakkan terutamanya kos sumber manusia dan kos untuk peningkatan kualiti penjenamaan dan perkhidmatan MFA. Selain itu, perbelanjaan juga meningkat disebabkan perbelanjaan bagi aktiviti keahlian semasa program dilangsungkan di mana MFA telah memberikan penyertaan percuma semasa Program Malam Anugerah Francais 2014 dan Seminar Akta 1998 (Pindaan 2012) kepada ahli yang telah mempunyai keahlian lebih daripada 10 tahun.



# RINGKASAN LAPORAN KEWANGAN 2014

## PENDAPATAN

Pendapatan MFA keseluruhannya terdiri daripada yuran keahlian, kursus dan seminar francais, acara, program kerjasama dan lain-lain. Pendapatan keseluruhan MFA pada 2014 menunjukkan sedikit peningkatan sebanyak RM42 ribu kepada RM4.050 juta berbanding RM4.008 juta pada tahun kewangan yang lepas. Peningkatan pendapatan ini banyak dipengaruhi oleh pendapatan daripada program kerjasama yang dilaksanakan. Pendapatan 2014 tanpa program kerjasama ini adalah sebanyak RM2.234 juta berbanding RM2.602 juta pada 2013 dimana mencatatkan pengurangan pendapatan sebanyak 14% atau RM368 ribu. Analisis dan prestasi kewangan adalah seperti jadual dibawah.

KATEGORI	PENDAPATAN (RM'000)		VARIAN	
	2014	2013	RM	%
Keahlian	432	518	(86)	(17)
Kursus dan Seminar	103	128	(25)	(20)
Pengurusan Acara	1,605	1,802	(197)	(11)
Pelbagai Pendapatan	94	154	(60)	(39)
<b>JUMLAH</b>	<b>2,234</b>	<b>2,602</b>	<b>(368)</b>	<b>(14)</b>
Program Kerjasama	1,816	1,406	410	29
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>4,050</b>	<b>4,008</b>	<b>42</b>	<b>1</b>

### Keahlian

Pada 2014, sebanyak 337 ahli yang telah dikemukakan inbois berbanding 372 ahli pada 2013. Jumlah ini termasuk 47 ahli baru pada 2014 dan 50 ahli baru pada 2013. Bagi menunjukkan laporan yang lebih realistik, MFA telah menggariskan polisi untuk mengemukakan inbois hanya kepada ahli yang mempunyai hutang tidak melebihi 3 tahun. Ahli baru akan dikenakan yuran pada kadar pro rata namun mereka perlu mengemukakan bayaran penuh keahlian tahun pertama bersama dengan yuran proses.

Yuran keahlian mencatatkan penurunan sebanyak 17% atau RM86 ribu pada tahun semasa. Yuran keahlian menyumbang sebanyak 11% kepada jumlah pendapatan MFA bagi tahun kewangan semasa, lebih rendah daripada 12.9% pada 2013.

### Kursus & Seminar

Yuran kursus dan seminar menunjukkan penurunan sebanyak 20 peratus atau RM25 ribu kepada RM103 ribu daripada RM128 ribu pada 2013. Hal ini adalah disebabkan perbezaan jenis program latihan serta jumlah penyertaan walaupun jumlah program latihan adalah sama bagi kedua tahun iaitu sebanyak 10 latihan. Terdapat perbezaan daripada jenis program latihan yang dilaksanakan dan pada tahun kewangan 2014, sejumlah 5 program latihan dilaksanakan secara kerjasama pada 2014 berbanding 3 latihan pada tahun kewangan yang lepas. Jumlah kerjasama program latihan ini juga memberi kesan kepada yuran program latihan kerana yuran program latihan yang dikenakan kepada peserta adalah minima sebagai yuran komitmen peserta sahaja.

Yuran kursus dan seminar menyumbang sebanyak 2.5% kepada jumlah pendapatan MFA bagi tahun kewangan semasa, lebih rendah daripada 3.2% pada tahun 2013.

# RINGKASAN LAPORAN KEWANGAN 2014


## Pengurusan Acara

Pada tahun 2014, MFA telah melaksanakan 3 acara iaitu Program Franchise International Malaysia 2014 (FM2014), Malam Anugerah Francais 2013 (MAF2014) dan Franchise Golf Challenge 2014 (FGC2014). Manakala pada tahun 2013, 2 acara telah dilaksanakan iaitu Program Franchise International Malaysia 2013 (FM2013) dan Malam Anugerah Francais 2013 (MAF2013).

Secara keseluruhannya, pengurangan pendapatan sebanyak 11% berbanding tahun 2013 dipengaruhi oleh peningkatan penajaan sebanyak 14% walaupun terdapat pengurangan yuran penyertaan sebanyak 18% dan pengurangan peruntukan sebanyak 14%. Faktor pengurangan adalah perbezaan jumlah penyertaan bagi program kerana MFA menawarkan pelbagai pakej yang mempunyai harga berbeza. Selain itu pengurangan pendapatan acara juga disebabkan oleh pengurangan jumlah peruntukan bagi acara Malam Anugerah Francais sebanyak 14%.

## Pelbagai Pendapatan

Pelbagai pendapatan MFA terdiri daripada Geran Pembangunan Pemasaran bagi program Misi Perdagangan, yuran penyelenggaraan laman sesawang APFC, yuran pentadbiran sebagai sekretariat APFC, jualan penerbitan – iklan dan buku, sumbangan bagi tanggungjawab sosial korporat, tuntutan belanja perjalanan bagi menyertai program jerayawara serta penerimaan dividen dari akaun semasa dan pelaburan simpanan tetap. Pelbagai Pendapatan telah menjana perolehan sebanyak RM 93 ribu pada 2014 berbanding RM153 ribu pada 2013 , iaitu penurunan pendapatan sebanyak 39%. Pecahan Pelbagai Pendapatan adalah seperti berikut:



# RINGKASAN LAPORAN KEWANGAN 2014

## Program Kerjasama

Program Kerjasama adalah program yang dianjurkan secara kerjasama dengan pihak Kementerian / agensi di mana penglibatan MFA sebagai koordinator program sahaja. Pada 2014, program kerjasama yang telah dilaksanakan adalah 7 program Misi Perdagangan ke luar negara, Program Francais Siswa, Program Pekan Francais dan Program Mobil Francais. Pada 2013, program kerjasama yang dilaksanakan adalah 9 program Misi Perdagangan ke luar negara, penganjuran Mesyuarat WFC dan APFC serta 3 Program Jelajah Francais 1Malaysia. Pendapatan bagi program ini adalah berbeza-beza mengikut jenis program dan lokasi. Pendapatan daripada program kerjasama ini menyumbang sebanyak 45% kepada pendapatan tahun semasa MFA dengan kenaikan sebanyak 29% berbanding tahun kewangan lepas.

## PERBELANJAAN

Jumlah perbelanjaan meningkat sebanyak 1% sahaja iaitu RM44 ribu daripada RM3.973 juta kepada RM4.017 juta pada 2014. Peningkatan perbelanjaan tidak ketara ini adalah daripada perlaksanaan acara dengan kenaikan sebanyak 2%, kenaikan kos pentadbiran sebanyak 2%, serta perlaksanaan program kerjasama dengan kenaikan sebanyak 7%. Manakala bagi kos keahlian, kursus dan seminar serta pelbagai pendapatan terdapat pengurangan dalam perbelanjaan sebanyak 74% iaitu RM83 ribu. Butiran lanjut serta analisis kewangan seperti berikut:

KATEGORI	PERBELANJAAN (RM'000)		VARIAN	
	2014	2013	RM	%
Keahlian	170	176	(6)	(3)
Kursus dan Seminar	46	77	(31)	(40)
Pengurusan Acara	1,322	1,292	30	2
Pelbagai Perbelanjaan	104	150	(46)	(31)
Pentadbiran	1,069	1,049	20	2
<b>JUMLAH</b>	<b>2,711</b>	<b>2,744</b>	<b>(33)</b>	<b>(1)</b>
Program Kerjasama	1,306	1,229	77	6
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>4,017</b>	<b>3,973</b>	<b>44</b>	<b>1</b>

### Keahlian

Perbelanjaan keahlian menunjukkan pengurangan sebanyak 3% kepada RM170 ribu berbanding dengan RM176 ribu pada tahun kewangan yang lepas disebabkan penurunan belanja percetakan dan promosi keahlian serta belanja lawatan ke outlet ahli.

### Kursus & Seminar

Perbelanjaan perlaksanaan kursus dan seminar pada 2014 telah berkurang sebanyak 40% kepada RM46 ribu daripada RM77 ribu pada 2013 disebabkan terdapat perbezaan dalam bilangan penyertaan dan jenis latihan yang dijalankan walaupun jumlah latihan terlaksana adalah sama bagi kedua tahun. Pada 2014, 5 program KAPF, 1 program Seminar Akta Francais, 1 program MyFex dan 3 program PciTD telah dilaksanakan. Pada 2013, terdapat 6 program KAPF, 2 program BNP dan 2 program Seminar francais yang mempunyai jumlah penyertaan berskala besar iaitu sebanyak 500 peserta bagi kedua-dua program telah dilaksanakan.

# RINGKASAN LAPORAN KEWANGAN 2014

## Pengurusan Acara

Perbelanjaan bagi pengurusan acara juga menunjukkan peningkatan tidak ketara bagi tahun kewangan semasa sebanyak 2% kepada RM1.322 juta daripada RM1.292 juta. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh terdapat kenaikan bagi kos lokasi, promosi dan penerbitan serta kos anugerah bagi program MAF 2014 berbanding tahun kewangan lepas. Selain itu juga, perlaksanaan FGC2014 juga menyumbang kepada kenaikan perbelanjaan acara sebanyak RM28 ribu. Manakala, bagi perbelanjaan FIM2014, terdapat sedikit pengurangan sebanyak 7% berbanding tahun kewangan yang lepas.

## Pelbagai Perbelanjaan

Perbagai perbelanjaan mencatatkan pengurangan tahun semasa sebanyak 31% kepada RM104 ribu daripada RM150 ribu pada 2013. Perbelanjaan pada 2014 merangkumi perbelanjaan menghadiri Mesyuarat APFC & WFC di Brazil dan Taiwan, kos penerbitan 1 edisi Franchise Mind, kos bagi program Media Fair, kos editorial, kos barang promosi dan kos penyertaan jerayawara dan ceramah. Perbelanjaan pada 2013 merangkumi belanja menyertai Misi perdagangan ke 3 lokasi iaitu Taiwan, Filipina dan Singapura, menghadiri Mesyuarat WFC di Lebanon, menghadiri symposium di Filipina, kos penerbitan 3 edisi Franchise Mind, kos penyertaan jerayawara dan ceramah sepanjang tahun. Selain itu, sumbangan kepada program komuniti melalui 1 aktiviti khidmat masyarakat telah dilaksanakan dengan mendapat kerjasama ahli-ahli MFA untuk mewujudkan kesan positif dan memberi manfaat kepada masyarakat dan perniagaan.

## Pentadbiran

Belanja bagi pentadbiran merangkumi perbelanjaan bagi hal ehwal Jawatankuasa Utama, perlaksanaan Mesyuarat Agung Tahunan, Sumber Manusia serta overhed. Belanja pentadbiran meningkat sebanyak 2% kepada RM1.069 juta berbanding RM1.049 juta pada tahun 2013, terutamanya belanja bagi hal ehwal Jawatankuasa Utama dan Sumber Manusia.

Belanja bagi hal ehwal Jawatankuasa Utama terdiri daripada belanja perlaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa, cenderahati, tuntutan belanja perjalanan menghadiri aktiviti serta elauan bulanan Setiausaha Agung. Peningkatan belanja pada tahun semasa sebanyak 86% kepada RM80 ribu berbanding RM43 ribu pada 2013. Belanja perlaksanaan Mesyuarat Agung mencatatkan pengurangan sebanyak 35% pada 2014 berbanding pada 2013.

Kos sumber manusia meningkat hanya 1% kepada RM788 ribu berbanding RM780 ribu pada tahun 2014, disebabkan terutamanya oleh gaji dan elauan yang dilaksanakan berdasarkan kepada bilangan kakitangan MFA yang diperlukan dan skim penggajian yang memberikan ganjaran yang sewajarnya berdasarkan kepada prestasi kerja dalam usaha berterusan untuk memastikan aktiviti yang dilaksanakan dan faedah keahlian dapat disampaikan secara berkesan kepada ahli MFA. Selain itu, manfaat kepada sekretariat juga meningkat sebanyak 2% daripada jumlah peningkatan kos sumber manusia dengan pemberian insentif untuk meningkatkan prestasi kerja, perlindungan insuran dan kesihatan serta sumbangan ke atas KWSP dan SOCSO.

Belanja overhed pada 2014 berkurang sebanyak 5% kepada RM168 berbanding RM175 ribu pada tahun kewangan lepas sejajar dengan matlamat untuk mengurangkan belanja overhed. Perbelanjaan overhed yang berkurangan pada tahun semasa iaitu belanja am, caj bank, cetakan dan alatulis, kompaun & denda, pembersihan pejabat, penyelenggaraan dan baikpulih serta belanja suratkhabar dan majalah. Manakala belanja perjalanan dan penginapan, belanja pos dan kurier, belanja utiliti – elektrik dan telefon, faksimili dan internet, belanja sewa pejabat, serta belnaja susutnilai mencatatkan peningkatan belanja pada tahun kewangan semasa berbanding pada 2013.

# RINGKASAN LAPORAN KEWANGAN 2014

## Program Kerjasama

Perbelanjaan program kerjasama pada 2014 meningkat sebanyak 6% kepada RM1.306 juta daripada RM1.229 juta adalah dipengaruhi oleh perlaksanaan program yang dianjurkan. Perbezaan jumlah perbelanjaan pada tahun 2014 dan 2013 kesan daripada perlaksanaan jenis program dan lokasi yang berbeza.

## LEBIHAN PENDAPATAN

Lebihan pendapatan mencatatkan penurunan tidak ketara sebanyak 6% kepada RM33 ribu berbanding RM35 ribu pada 2013. Pengurangan ini selari dengan peningkatan pemberian manfaat keahlian melalui program Malam Anugerah Francais 2014 dan Seminar Akta 1998 (Pindaan 2012), serta aktiviti yang melibatkan keahlian .

## JUMLAH ASET

Jumlah aset mencatatkan pengurangan sebanyak 6% kepada RM1.818 juta daripada RM1.939 juta pada akhir tahun kewangan sebelumnya disebabkan oleh pengurangan jumlah aset tetap, pengurangan jumlah yuran ahli belum terima, yuran acara belum terima dan pengurangan simpanan tetap di institusi kewangan berlesen. Namun, terdapat peningkatan dari segi yuran pelbagai belum terima, peningkatan penghutang, deposit & prabayar serta peningkatan pegangan tunai di bank dan di tangan.

### Yuran Keahlian Belum Terima

